

# MEDIA WARGA KOTA Wilayah Ku

● BIL 202 ● 3 - 9 MAC 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

 wilayahku.com.my    Wilayahku    @akhbarwilayahku    Wilayahku    WK TV

# KL Park Festival 2023

Malaysian  
Arts and Flora  
Gardens

SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS



TAMAN  
TASIK  
TITIWANGSA

TARIKH

4-12  
MAC  
2023

MASA

9 PAGI-  
10 MALAM

MASUK ADALAH PERCUMA!!

# Cadangan 'Dunia Melayu' diteliti - DBKL

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mewujudkan kajian menyeluruh berkenaan syor Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim supaya diwujudkan satu kawasan khusus warisan 'Dunia Melayu' di ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata pihaknya telah melihat beberapa kawasan di ibu negara yang

boleh dipertimbangkan dari segi kesesuaianya dan kesan di sekeliling kawasan yang hendak dicadangkan itu.

"Ini (cadangan) idea baru, ia perlu dilihat secara menyeluruh kerana ia memberi kesan sampingan yang lain sekiranya tidak dikaji dengan terperinci. Biarlah cadangan itu juga memberi kesan yang



MAHADI

lama dan bertahan serta mewujudkan impak yang diinginkan," katanya.

Beliau ditemui pemimpin pada program lawatan bersama dengan Rais di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman dan melihat pameran lukisan anjuran Yayasan Budi di Wisma Budi, baru-baru ini.

Terdahulu, Rais dilaporkan

mengesyorkan DBKL supaya mewujudkan satu kawasan khusus warisan 'Dunia Melayu' yang mengandungi segala elemen aspek kehidupan mencerminkan seni budaya tinggi dan warisan Melayu untuk tatapan para pengunjung di ibu negara.

Rais berbantah projek 'Dunia Melayu' itu boleh mengandungi susunan budaya yang menarik perhatian pengunjung luar dan dalam negara termasuk seni, cara hidup

budaya tinggi, pertukangan tangan, muzik, seni teater dan makanan warisan Melayu.

Dalam pada itu, Rais yang juga pengasas Yayasan Budi berkata lebih 50 poster dan lukisan yang bertemakan budaya, warisan Kuala Lumpur serta kata-kata hikmat dan buku bahasa seniman dan sasterawan dipamerkan untuk pengunjung di lokasi tumpuan orang ramai itu. - BERNAMA

## Enam kawasan dipilih untuk penilaian keselamatan jalan raya

AZLAN ZAMBRY

**USAHA** meningkatkan keselamatan jalan raya menjadi fokus utama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjadikan jalan raya di Kuala Lumpur lebih selamat dan bebas dari risiko tinggi.

Bercakap mengenai perkara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata DBKL telah memberikan penekanan dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui pelbagai inisiatif yang dijalankan termasuk kajian had laju 30 kilometer sejam (KMSJ) di beberapa zon terpilih.

"Melalui Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB), mereka telah mengenal pasti beberapa tapak di mana projek demonstrasi bersama Global Designing Cities Initiative ini boleh dilaksanakan.

"Kawasan yang dipilih terletak berhampiran sekolah dan memberi fokus kepada lintasan selamat," katanya dalam Ucapan Mesyuarat Pembentangan Kemajuan Projek Keselamatan Jalan Raya baru-baru ini.



MAHADI (tengah) mempengerusikan Mesyuarat Pembentangan Kemajuan Projek Keselamatan Jalan Raya bersama MIROS dan BIGRS baru-baru ini.

ru ini.

Menurut Mahadi, bandar raya Kuala Lumpur dipilih sebagai salah satu daripada 28 bandar di bawah Bloomberg Philanthropies Initiative for Global Road Safety (BIGRS) pada tahun 2020.

"DBKL amat komited untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dengan memperbaiki infrastruktur awam dan sistem mobiliti di bandar ini.

"Kami memberi penekanan untuk mengurangkan had laju di

jalan raya, terutamanya di kawasan sekolah dan hab transit di mana terdapat banyak pejalan kaki," katanya.

Inisiatif Kedermawanan Bloomberg untuk Keselamatan Jalan Raya Global (BIGRS) membantu melaksanakan paket komprehensif aktiviti yang terbukti dapat menyelamatkan nyawa.

Dengan kerjasama organisasi antarabangsa dan kerajaan, ia memberi tumpuan kepada lima bidang utama untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan menyelamatkan nyawa; mengukuhkan perundungan negara; mempertingkatkan pengumpulan dan pengawasan data; mengubah tingkah laku pengguna jalan raya; menambah baik infrastruktur jalan raya dan menaik taraf keselamatan kenderaan.

Beliau turut mengalukan input daripada semua hadirin yang dihormati sekalian untuk menjayakan projek ini dan memberi cadangan untuk menjadikan jalan raya di Kuala Lumpur lebih selamat dan bebas dari risiko tinggi.

"Data adalah asas kepada kerja ini dan kami memerlukan kerjasama

daripada semua pihak untuk membantu kami memahami risiko di lokasi yang dikenal pasti dan berusaha untuk menguatkuaskan peraturan keselamatan.

"Sistem yang lebih selamat dapat mengurangkan kadar nahas atau pelanggaran di jalan raya dan DBKL bertekad untuk meningkatkan kapasiti dalam membentuk jalan yang lebih selamat bersama-sama dengan rakan kongsi BIGRS dan Institut Keselamatan Jalan Raya (MIROS)," katanya.

Dalam pada itu, sebanyak enam kawasan telah dipilih untuk penilaian keselamatan jalan raya BIGRS yang membabitkan tiga kawasan pejalan kaki atau pedestarian iaitu kawasan Sekolah Danau kota, Jalan Wangsa Perdana dan Jalan Menteri/Jalan Cochran.

Baki tiga kawasan lagi adalah untuk city bike di Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Bulatan Datuk Onn dan juga kawasan yang melibatkan kajian hot spot kemalangan jalan raya.

Hadir sama Pengurus MIROS, Profesor Dr Wong Shaw Voon. W.K.

## MDEC sasar wujudkan 2,000 hab Nomad Digital di seluruh negara tahun ini

**PERBADANAN** Kemajuan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sasar mewujudkan 2,000 hab Nomad Digital yang dikenali sebagai DE Rantau di seluruh negara menjelang hujung tahun 2023.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, **Teo Nie Ching** berkata pihak Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui MDEC telah meluluskan kira-kira 764 hab di beberapa buah bandar raya seluruh negara.

"Setakat ini, terdapat sebanyak 764 hab DE Rantau di lokasi terbabit iaitu 278 di Langkawi, 147 (Pulau Pinang) dan 339 (Kuala Lumpur).

"Permohonan yang diterima daripada operator adalah lebih 2,400 permohonan dan pihak MDEC setakat ini telah memberikan kelulusan kira-kira 53 peratus," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran DE Rantau@ Kuala Lumpur di Komune Living, Bangsar South baru-baru ini.

ru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Ts Mahadhir Aziz dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen (JIM), Datuk Zakaria Shaaban.

Inisiatif DE Rantau merupakan program yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab nomad digital pilihan di ASEAN sekali gus meningkatkan penggunaan digital dan mempromosikan mobiliti profesional digital dan pelancongan

di seluruh negara.

Menurut Nie Ching, bandar raya Kuala Lumpur merupakan lokasi program nomad digital ketiga selepas Pulau Pinang dan Pulau Langkawi yang dirasmikan pada tahun lepas.

"Pemilihan Kuala Lumpur sebagai lokasi terbaru Program DE Rantau dilihat bersesuaian dengan laporan NomadList.com yang merekodkan kedudukan Kuala Lumpur di tangga ke-15 lokasi terbaik untuk para nomad digital daripada 218 buah bandar

raya di seluruh dunia.

"Lokasi Program DE Rantau seterusnya ialah di Melaka yang akan dilancarkan pada pertengahan Mac ini diikuti Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching menjelang hujung tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, Nie Ching berkata program ini merupakan salah satu daripada Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN) dijangka mampu menyumbang sehingga RM4.8 bilion perbelanjaan kepada ekonomi domestik negara menjelang tahun 2025.

"DE Rantau turut memberi faedah melalui perkongsian maklumat, kepakaran dan kemahiran kepada pasaran tenaga kerja negara dengan nomad digital dari seluruh dunia.

"Ini adalah selaras dengan inisiatif Malaysia Digital yang memberi tumpuan menggerakkan rakyat untuk memainkan peranan penting dalam ekonomi digital," katanya. W.K.



NIE Ching ketika sidang media selepas melancarkan DE Rantau di Komune Living, Bangsar South baru-baru ini.

# Sukan ekstrem jadi content baharu KL

AZLAN ZAMBRY

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa menyokong penuh aktiviti sukan yang dijalankan di Kuala Lumpur termasuk membangunkan fasiliti sukan ekstrem bagi menambahkan *urban content* di sekitar bandar raya.

Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL, **Khairul Azmir Ahmad** berkata pihaknya bersedia menjadi rakan strategik kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk membangunkan sukan tersebut di ibu kota.

“Kita bersedia untuk bekerjasama dan menjadi rakan strategik dengan KBS bagi memastikan program pembangunan semua jenis sukan termasuk sukan ekstrem di pelbagai peringkat dapat berkembang dengan baik.

“Selain itu ia mampu menjadi *urban content* baharu yang dapat menarik lebih ramai penggiat sukan tersebut ke ibu negara,” katanya kepada *Wilayahku* pada Sabtu.

Jelasnya, setakat ini pihak DBKL tidak mempunyai kawasan tertentu kerana pembangunan su-



HANNAH Yeoh (tengah) mendengar penerangan daripada Khairul Azmir (dua dari kiri) mengenai sukan dron selepas merasmikan Karnival Sukan Ekstrem yang berlangsung di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara pada Sabtu.

kan ekstrem ini terletak di bawah tanggungjawab KBS dan mereka perlu memohon tanah dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) untuk menyediakan infrastruktur yang berkaitan.

“Apabila pengumuman menteri yang akan memanggil semua Pihak Berkusa Tempatan (PBT) termasuk DBKL, ia bertujuan untuk menyemak sekiranya ada fasiliti yang telah dilaksanakan di seluruh

negara dilihat dapat membantu merancakkan lagi pembangunan sukan ini dan DBKL bersedia menuhi seruan tersebut.

Kata Khairul Azmir, pihaknya difahamkan perancangan pembangunan sukan tersebut akan diadakan di Kuala Lumpur dan menteri akan mengadakan perbincangan bagi mencari formula yang sesuai untuk menyediakan fasiliti sukan tersebut.

Berkemungkinan besar pihak DBKL mungkin menyediakan fasiliti ringkas untuk sukan tersebut di taman-taman awam dalam ukuran yang lebih kecil dan agar ia sesuai untuk dicuba oleh pengunjung taman.

“Selain itu, oleh kerana ia sukan ekstrem yang melibatkan banyak faktor keselamatan, maka pihak KBS dan DBKL akan memperhalusi pembinaan kemudahan itu dengan lebih ketat kerana ia turut melibatkan keselamatan pengguna serta orang ramai dan lokasinya sedang dibincangkan,” katanya.

Terdahulu, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata sukan ekstrem mempunyai potensi untuk dibangunkan di negara ini dan ia perlu melibatkan agensi yang berkaitan bagi menyediakan kemudahan tersebut.

Beliau berkata sukan ekstrem mempunyai potensi untuk dibangunkan, namun penting bagi KBS, Jabatan Belia dan Sukan, PBT serta persatuan sukan terlibat untuk duduk bersama dan mencari jalan bagaimana menyediakan kemudahan mencukupi.

“Kita kena pastikan terdapat pusat latihan tetap untuk mere-

ka (penggemar sukan ekstrem). Jika tiada tempat latihan, atlet juga tidak tahu di mana mahu berlatih dan secara tidak langsung, sukan itu tidak boleh dibangunkan,” katanya.

Beliau juga menyarankan kepada PBT yang berminat membangunkan infrastruktur sukan ekstrem supaya berjumpa pihaknya dan persatuan sukan terlibat terlebih dahulu, bagi memastikan pembinaan mengikut spesifikasi ditetapkan.

Sementara itu, karnival yang berlangsung di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara selama dua hari itu dianjurkan bagi mencari bakat baharu sukan ekstrem; memberi pendedahan kepada peserta dan pengunjung tentang aspek keselamatan selain menekankan kepentingan amalan gaya hidup sihat.

Sebanyak empat acara dipertandingkan iaitu *inline skating*; *skateboarding*; basikal BMX dan larian berhalangan, manakala pengunjung turut diberi peluang mencuba beberapa aktiviti sukan ekstrem seperti *push bike*; *roller skating*; perlumbaan kereta kawalan jauh serta dron. **WK**

## SWCorp buka dua DTRC di KL

**PERBADANAN** Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah membuka dua Pusat Kitar Semula Pandu Lalu (DTRC) di ibu negara.

Pengarah SWCorp Wilayah Persekutuan, **Ummi Kalthum Shuib** berkata dua DTRC itu ialah di Jalan Tiong Nam yang dibuka setiap Selasa, Khamis dan Sabtu mulai pukul 9 pagi hingga 4 petang dan di Jalan Bunus 6, yang dibuka pada Isnin, Rabu dan Sabtu mulai pukul 11 pagi hingga 4 petang.

Beliau berkata satu lagi DTRC akan

dibuka di Putrajaya, 7 Mac ini.

“Usaha ini bagi memudahkan rakyat untuk mengitar semula sampah menerusi pandu lalu sekali gus dibayar terus secara tunai selain mendidik orang ramai untuk mengurangkan sampah yang dihantar ke tapak pelupusan,” katanya.

Tambahnya, orang ramai boleh memulakan langkah mengitar semula dengan mengasingkan plastik, kertas, tin aluminium dan sisa makanan bagi memudahkan proses kitar semula dijalankan. - **BERNAMA**

**PROGRAM KUTIPAN TRASH TO CASH & SUMBANGAN PAKAIAN TERPAKAI**




**TARikh** 5 Mac 2023

**MASA** 7.30 pagi - 12.00 tengahari

**LOKASI** Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Razak



**JOM SANTAI @BOOTH 8**

**RESIDENSI PRIHATIN**

**Bio degradasi**

2 - 4 Mac 2023      5 Mac 2023  
9.00 pg - 9.00 mlm      9.00 pg - 5.00 ptg

**Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, WP Putrajaya**

# DBKL serbu premis hiburan langgar syarat lesen

**E**NAM premis yang menjalankan aktiviti restoran, pub, kelab malam dan pusat hiburan sekitar Parlimen Cheras dan Bukit Bintang diserbu Jabatan Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini.

Tindakan Khas Premis Berisiko (Kelab/Premis Hiburan) Siri Empat 2023 itu dilaksanakan selepas mendapat maklumat premis berkenaan telah melanggar syarat lesen.

Menurut hantaran yang disiaran oleh Facebook rasmi DBKL, tiga tindakan penutupan diam-bil serta-merta dan peralatan juga disita di bawah Seksyen 17, Akta Hiburan 1992.

"Ini termasuklah membuka tiga kertas siasatan (IP) di bawah Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) kerana mengadakan aktiviti hiburan (*live band/DJ*) tanpa kebenaran) Kaedah-Kaedah Hiburan (WPKL) 1993.

"Kita juga menyita 16 pelbagai peralatan muzik tiga buah premis berkenaan melibatkan *tablet*, pemutar, mikrofon, pembesar suara, pengadun, pengawal mikrofon dan pengawal bunyi," katanya.

DBKL berkata kesemua per-



PEGAWAI DBKL menampal notis pusat hiburan yang melanggar syarat operasi.

alatan itu telah dihantar ke Stor Sitaan, Jalan Lombong, Taman Miharja untuk didokumentasi dan penyimpanan sementara sebelum tindakan lanjut terhadap pemilik premis.

"Tindakan penguatkuasaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa mengikut kawasan tumpuan parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.

Sementara itu, DBKL turut mengambil tindakan menyita sembilan gerai serta khemah per-

niagaan ditinggalkan selepas bermula di tepi dan bahu jalan termasuk menghalang laluan pejalan kaki di sekitar Kuala Lumpur.

DBKL dalam kenyataan berakta operasi itu dilaksanakan oleh 18 orang anggota penguat kuasa dan kakitangan Pejabat Cawangan DBKL di bawah Seksyen 46(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di sekitar Danau Kota dan Taman Melati.

"Peniaga dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana didapati



BUKTI peniaga 'rambo' mencuri elektrik.

membina struktur kekal di laluan awam, menyambung bekalan elektrik secara 'haram' daripada tiang lampu awam dan meninggalkan peralatan perniagaan di tapak.

"Tindakan seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa terhadap mereka yang melanggar peraturan," katanya.

Jelas DBKL, kesemua peralatan perniagaan yang disita telah dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja, Kuala Lumpur. **WK**

## UISU, UM meterai MoU berkaitan pembangunan Komuniti 5.0

UNIVERSITI Malaya (UM) bersama Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) telah menandatangani sebuah memorandum persefahaman (MoU) menerusi Program Perbincangan Antara Delegasi Alumni UM (Indonesia) dan Pusat Perhubungan Antarabangsa (IRC) UM berkaitan pembangunan

Komuniti 5.0.

Menurut Ketua Bidang Dakwah Islamiyah, Pengurus Yayasan UISU Medan, **H.Ikrom Helmi Nasution**, semangat persahabatan mendorong pihaknya untuk terus istiqamah dalam menjalinkan hubungan yang lebih erat.

"Semangat persahabatan yang

terjalin sejak bertahun lama khususnya dalam seni sukan pingpong antara Kuala Lumpur dan Medan Indonesia menerusi acara sukan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) setiap tahun telah mendorong pihaknya untuk terus istiqamah menjalinkan hubungan yang lebih erat mener-

si pelbagai aktiviti kemasyarakatan," katanya menerusi satu hantaran di laman sosialnya.

Tambahnya, kelainan pada kali ini adalah Program Lawatan Delegasi dari UISU selama lima hari ke Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 8 hingga 12 Februari 2023 telah diketuai oleh beliau sendiri.

"Delegasi juga berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke Kedutaan Indonesia (KBRI) bertempat di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur pada 10 Februari 2023 sebelum meneruskan perjalanan ke Putrajaya bagi sesi taklimat di Kementerian Pendidikan Malaysia," ujarnya. **WK**



### Peniaga warga asing digempur

KAWAN-KAWAN Kedai Kopi ucapan tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana semakin agresif membanteras peniaga asing. Misalnya baru-baru ini DBKL 'menggempur' Pasar Borong Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

Sekali pun mereka tidak dibenarkan bermula, ramai warga asing mengambil peluang mencuri-curi bermula. Kerana itu usaha berterusan DBKL menyerahkan ia tidak memberi muka kepada peniaga luar seperti Bangladesh, Rohingya atau Indonesia. Usaha membanteras mereka dijalankan berterusan.

Untuk lebih efektif, DBKL menjalankan operasi bersepudu bersama Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Selangor, terutama di kawasan yang menjadi tumpuan peniaga asing seperti di Pasar Borong Selayang. Elok sekali kerjasama dua Pihak Berkua Tempatan berpadu tenaga di kawasan sempadan bersama.

Memandangkan Pasar Borong Selayang dan

Pasar Borong Kuala Lumpur menjadi pusat aktiviti peniaga asing, bagi kawan-kawan Kedai Kopi memang sewajarnya pemantauan berterusan dilakukan bagi mengelakkkan peniaga asing mengambil kesempatan bermula apabila tiada kawalan.

Perbuatan peniaga asing bermain silap mata sudah difahami. Apabila ada pemeriksaan, mereka hilang. Apabila pihak penguat kuasa berlalu, mereka dengan pantas meneruskan aktiviti.

Menyedari hakikat ini, DBKL akan mengkaji menempatkan penguat kuasa secara tetap di kedua-dua pasar itu. Memetik Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, langkah ini diharap dapat menghindarkan warga asing yang nampaknya tidak serik walaupun sudah kerap kali diserbu.

Sebelum dilaksanakan, pandangan beberapa pihak diambil kira. Antaranya pandangan peniaga tempatan dan juga orang awam. Namun kawan-kawan Kedai Kopi rasa, para peniaga khususnya akan menyambut baik langkah ini memandangkan peniaga asing, terutama kelompok Rohingya, dikatakan banyak mengganggu perniagaan rakyat tempatan.

Bukan setakat di pasar borong atau tempat perniagaan terbuka, DBKL dilihat tidak lagi berkompromi dengan peniaga asing yang bermula di premis perniagaan tertentu.

Tindakan menyita premis perniagaan warga asing, termasuk di pusat beli-belah terama seperti Berjaya Times Square turut dilakukan.

Di mana juga peniaga asing beroperasi, DBKL bertindak. Baru-baru ini tujuh premis warga asing disita dalam operasi Tindakan Khas Premis Warga Asing di tiga kawasan perumahan dalam parlimen Kepong. Tindakan diambil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Selain menggempur peniaga asing, DBKL juga tidak memberi muka kepada peniaga tempatan yang didapati bermula tanpa mengikut peraturan. Ini termasuk menyebabkan kesesakan sehingga mengganggu pergerakan lalu lintas dan orang ramai.

Dalam operasi baru-baru ini, DBKL menyita empat gerai dan khemah yang ditinggalkan selepas bermula di tepi dan bahu jalan di sekitar Kuala Lumpur, khususnya di sekitar kawasan parlimen Titiwangsa dan Desa Pandan.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak DBKL terus komited melaksanakan penguatkuasaan. Usah putus asa jika mempunyai halangan kerana tugas penguatkuasaan memang mencabar. Terima kasih kepada DBKL yang terus berusaha memastikan ibu kota bersih daripada gejala peniaga warga asing atau peniaga

tempatan yang bermula sesuka hati.

### Terus belajar dalam cuti

CUTI hujung penggal persekolahan telah bermula dan berakhir pada 19 Mac. Masih panjang dan masih banyak masa untuk pelajar menikmati cuti panjang ini sama ada balik kampung atau melancong bersama keluarga melapangkan minda.

Kawan-kawan Kedai Kopi faham bukan semua pelajar atau guru berpeluang berehat pada waktu ini. Ada pelajar yang perlu mengharungi peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Guru-guru pula ada yang terlibat menjadi pengawas peperiksaan.

Kepada pelajar yang bercuti, nasihat kawan-kawan Kedai Kopi, pelajaran jangan dilupa. Cuti sekolah bukan cuti belajar. Mengulang kaji pelajaran perlu dijadikan amalan semasa cuti. Berehat dan berlibur tidak mengapa asalkan pelajaran tidak dilupa.

Ini terutama bagi murid atau pelajar yang akan naik darjah atau tingkatan. Pada masa cuti ini cuba siapkan diri dengan meneliti buku teks subjek bagi darjah atau tingkatan baharu. Kaedah ini akan dapat membantu murid dan pelajar memahami pelajaran dengan lebih baik apabila sekolah dibuka nanti.

### SIDANG REDAKSI

**PENGURUS BESAR**  
Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

**PENGARANG KANAN**  
Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

**WARTAWAN KANAN**  
Azlan Zamby  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

**WARTAWAN**  
Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer6@gmail.com](mailto:deelanjer6@gmail.com)  
Sabrina Sabre  
[sabrinawilayahku@gmail.com](mailto:sabrinawilayahku@gmail.com)  
Hazirah Halim  
[hazirahwilayahku@gmail.com](mailto:hazirahwilayahku@gmail.com)  
Diana Amir  
[dianawilayahku@gmail.com](mailto:dianawilayahku@gmail.com)

**GRAFIK & MULTIMEDIA**  
Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Fauzi Taib  
[adhamfauzi05@gmail.com](mailto:adhamfauzi05@gmail.com)

**JURUFOTO & VIDEO**  
Mohd Aminullah Farid Hasan  
[aminwkt@gmail.com](mailto:aminwkt@gmail.com)  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
[syugqreewilayahku@gmail.com](mailto:syugqreewilayahku@gmail.com)

**KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN**  
Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatihah@yayasanwp.org.my](mailto:fatihah@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm866@gmail.com](mailto:nhmm866@gmail.com)

**OPERASI & PEMASARAN**  
Roslee Hanafi  
[roslee@yayasanwp.org.my](mailto:roslee@yayasanwp.org.my)

# Tabungan emas jadi simpanan

**PELBAGAI** jenis dan kaedah menabung ditawarkan pada masa ini antaranya adalah simpanan emas di mana ia telah dilakukan sejak berkurun-kurun, memandangkan nilainya yang sangat tinggi dan berharga menjadikan ramai orang menganggap ia sebagai satu aset berharga yang harus dimiliki.

Pada masa-masa kegawatan ekonomi pula, kaedah penyimpanan emas secara fizikal merupakan satu tindakan yang boleh dikatakan bijak berbanding simpanan wang kertas memandangkan harga emas adalah kalis inflasi serta tidak terlalu dipengaruhi oleh kegawatan ekonomi

atau kejatuhan nilai wang.

Justeru itu, Pengurus Koperasi Makmur Malaysia Berhad, **Khairul Azam Awang** berharap masyarakat terutamanya kakitangan awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) memanfaatkan peluang keemasan yang ditawarkan Makmur Gold.

"Melalui kerjasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), ia memudahkan potongan gaji bagi



KHAIRUL AZAM

sesiapa yang ingin membeli emas secara tabungan. Rata-rata penduduk Putrajaya juga adalah kakitangan sektor awam dan GLC yang mempunyai kemudahan untuk membuat potongan gaji menerusi program ini.

"Program ini juga unik dan istimewa di mana ia membolehkan para pelanggan kami untuk menyertai aktiviti penabung emas. Saya yakin jika dilihat dalam jangka panjang, mereka sebenarnya mempunyai simpanan secara tidak

langsung.

"Tambahnya pula, menerusi data yang kami ada, harga emas sentiasa meningkat dari tahun ke tahun sebagai contoh pada tahun 2000, harga emas adalah sebanyak RM38 satu gram dan kini ia terus meningkat mencecah kepada RM300 satu gram. Dengan kaedah ini, kami yakin sedikit sebanyak dapat membantu rakyat untuk mempunyai perancangan kewangan melalui tabungan emas," ujarnya.

Dalam pada itu, Khairul Azam juga mencadangkan agar mereka yang tidak bekerja atau kehilangan sumber pendapatan untuk menyertai Program Usahawan Emas Makmur Gold.

"Menerusi program ini, kami membuka peluang seluas-luasnya kepada orang ramai terutamanya golongan mahasiswa yang belum

mendapat pekerjaan dan juga suri rumah untuk menjadi usahawan emas ini secara tetap atau separuh masa.

"Ia memberi pelbagai manfaat serta membantu menjana pendapatan sampingan di mana kami berkongsi keuntungan dengan para usahawan. Dalam masa yang sama, pihak Makmur Gold akan turut membantu mereka untuk mendapatkan pelanggan," ujarnya.

Menggunakan slogan 'Patuh Syariah dan Free Upah', Makmur Gold terus diyakini dan menjadi pilihan pelanggan.

Orang ramai dijemput berkunjung ke kedai emas Makmur Gold di Presint 15, Putrajaya. Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi di talian **09-513 0640** atau layari [Instagram @makmurgoldofficial](https://Instagram @makmurgoldofficial) dan laman sesawang [www.makmurgold.my](http://www.makmurgold.my).

# Makmur Gold penuhi impian kakitangan awam miliki emas bermula RM50



DEEL ANJER

**M**ELEHAT kepentingan emas sebagai aktiviti pelaburan jangka panjang yang cukup baik, Makmur Gold telah memperkenalkan tabungan emas untuk kakitangan awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sekali gus mahu membuktikan emas boleh dimiliki tanpa mengira pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Makmur Gold, **MoHD FAIZUDDIN Che Mahmood** berkata Makmur Gold mampu menjadikan impian untuk memiliki emas menjadi kenyataan dengan hanya RM50 sahaja menerusi Program Tabungan Emas dengan potongan gaji biro Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

"Kakitangan kerajaan dan GLC boleh menabung untuk menebus emas melalui potongan gaji biro



MOHD FAIZUDDIN

ANGKASA. Saya menyeru kepada semua menabunglah emas bersama Makmur Gold dengan sekurang-kurangnya RM50 sebulan. Setelah anda menabung, boleh tuai hasilnya iaitu tebus atau *redeem* emas di Makmur Gold.

"Untuk potongan gaji ANGKASA, ia adalah potongan gaji dalam bentuk tabung dan bukannya kredit di mana menerusi tabung ini sesiapa sahaja sama ada kakitangan awam atau GLC, boleh menabung dengan hanya mengisi borang dan mendapatkan pengesahan majikan. Kemudian, ANGKASA akan membuat potongan bergantung kepada berapa jumlah yang dimohon," ujarnya

kepada *Wilayahku* di Majlis Pembukaan Cawangan Kedai Emas Makmur Gold Presint 15, Putrajaya pada Ahad lalu.

Dalam pada itu, Faiz juga akui, situasi ekonomi negara yang kurang memberangsangkan sedikit sebanyak memberi kesan kepada banyak

perniagaan namun dirinya positif menerusi Program Tabungan Emas dengan potongan gaji biro ANGKASA, Makmur Gold akan berkembang maju.

"Ini merupakan cawangan ke-12 dan kami dalam misi untuk membuka 30 cawangan Makmur Gold dalam masa lima tahun. *Insy-AAllah* selepas ini di Dungun (Terengganu) dan Johor Bahru.

"Di Putrajaya ini, kami serampang dua mata iaitu mahu tarik pembeli yang *walk-in* dan juga mereka yang membuat tabungan menerusi potongan gaji ANGKASA kerana kita tahu majoriti penduduk di Putrajaya ini terdiri dalam kalangan kakitangan awam.

"Kita juga mahu masyarakat tahu bahawa tidak perlu tunggu duit beribu atau berpuluhan ribu untuk memiliki emas. Anda boleh mula menabung dengan RM50 sebulan atau mengikut kemampuan bersama Makmur Gold. Walaupun ia mengambil sedikit masa, apa yang penting adalah anda mampu memiliki emas," katanya.



CAWANGAN terbaru Makmur Gold di Presint 15, Putrajaya.



Imbas Kod QR untuk menonton video



## Usahawan Emas Makmur Gold

**MASYARAKAT** dari pelbagai lapisan umur digalakkan membabitkan diri dalam perniagaan emas kerana ia tidak mengurangkan.

"Di Makmur Gold kami mempunyai platform Usahawan Emas Makmur Gold di mana anda boleh menjadi anggota koperasi dan terus layak menjadi usahawan emas. Menerusi platform ini, usahawan akan mendapat komisen diskon RM10 untuk satu gram emas dan boleh mendaftarkan seramai mungkin pelanggan di bawah jagaannya.

"Dua bulan lepas, kami telah menghantar 48 orang usahawan Makmur Gold menuaikan umrah. Menerusi Umrah Challenge mereka telah menjual 3.6 kilogram emas setahun dan *insya-AAllah* tahun ini

kami akan teruskan program ini," jelasnya.

Tambahnya, menjadi Usahawan Emas Makmur Gold memberi banyak kelebihan dan antara syaratnya adalah seseorang itu perlu menjadi anggota Koperasi Makmur Malaysia Berhad yang mana modal minimnya RM20,000.

"Apabila menjadi anggota koperasi, anda akan mendapat emas dengan harga yang murah. Anda bukan sahaja menjadi usahawan, malah turut menerima dividen. Sebelum ini kami berikan dividen sebanyak lapan peratus," jelasnya lebih istimewa keahlian sebagai usahawan emas tiada had umur dan akan menerima dividen sama ada aktif atau tidak. **W K**

# Teringat Syed, penjual buku



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**S**AYA tidak pasti perkara yang mendorong dia menjadi penjual buku bergerak dari satu pejabat ke pejabat di sekitar Kuala Lumpur. Malah tertanya-tanya juga dia memilih menjual buku, bukan makanan atau pakaian yang lebih mendapat sambutan.

Akan tetapi suatu yang dikesan daripada perwatakannya, dia amat gembira dengan pekerjaannya. Tidak pernah dilihat sebagai keterpaksaan untuk bekerja dalam bidang itu. Sentiasa ramah dan mesra melayan pelanggan yang pelbagai kerennah – termasuk liat membayar hutang membeli buku.

Mulanya saya nampak dia kerap lalu-lalang di depan meja kerja saya di Utusan Melayu pada pertengahan 1980-an. Dia menjadi watak asing pertama yang memagut rasa ingin tahu tentang dirinya. Akhirnya mendapat tahu bahawa itulah kedai buku bergerak.

Malah sangat percaya kalau sekadar mencari rezeki, dia tidak memilih kerja menjual buku kecuali minatnya yang mendalam pada buku. Kerjanya bukan mudah kerana terpaksa turun naik pejabat menjinjing buku. Tambahan pula keadaan masyarakat kota terhadap buku seperti sekarang juga - malas membaca. Buku menjadi suatu yang asing selepas menggenggam ijazah.

Hanya dikenali sebagai Syed, dia seorang India Muslim yang bertubuh kurus, berketyap putih dan berbaju lengkap panjang. Seorang yang kemas, baju dimasukkan dalam seluar dan hujung lengannya sentiasa dibutangkan.

Daripada pengamatan, Syed arif dan menguasai bidang kerjanya dengan sangat baik. Bukan sahaja menjual buku, akan tetapi tahu membezakan antara buku keluaran baharu dan lama. Boleh menerangkan secara mudah dan tepat isi kandungan dan keistimewaan bukunya.

Sudah tentu tanpa mengambil tahu dan membaca, Syed tidak mampu menyampaikan maklumat dengan begitu berkesan sekali. Tentu sahaja disebabkan akrabnya dengan buku menjadikan Syed juga seorang bukuwan.

Saya tidak lagi menggunakan istilah ‘ulat buku’ kerana sifat ulat menggigit dan merosakkan. Sebaliknya buku perlu dijaga dan



PENJUAL buku menyumbang kepada peningkatan kadar membaca dalam kalangan masyarakat.

dibaca. Maka istilah bukuwan adalah lebih tepat menggambarkan sifat yang akrab dengan buku.

Disebabkan Syed, saya menjadi pelanggan tetap membeli majalah Dewan Budaya dan Dewan Masyarakat. Malah banyak buku umum terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang lain yang dilemparkan di atas meja saya.

Syed memastikan setiap bulan dua majalah itu berada di atas meja saya, sama ada saya berada di pejabat atau tidak. Maka sejak itu kedua-dua majalah itu dibaca tanpa gagal. Bayaran pula dibuat pada hujung bulan. Tidak berasa sangat bebaninya sekalipun duit keluar dari saku yang sama.

Syed memperkenalkan saya buku memoir Sasterawan Negara Shahnon Ahmad, Detik-Detik Diri Di Daerah Daif. Cara Syed perkenalkan kandungan buku itu sangat memerangkap perhatian. Memang tidak menyesal memiliki buku memoir itu kerana ia sebuah hasil penulisan fakta yang digaul pendekatan seni kreatif.

Memoir itu menoleh pengalaman hidup Shahnon pada zaman kanak-kanak di Kampung Banggol Derdap, Sik Kedah tahun 1950-an. Milieu sosial yang melatari kehidupan Shahnon hampir sama dengan zaman kanak-kanak saya tahun 1960-an.

Saya terhutang budi dengan Syed yang memperkenalkan sebuah buku yang menghantar saya kembali seketika ke pangkal zaman kanak-kanak yang penuh pesona. Seolah-olah yang berlaku kepada Shahnon sama dengan yang saya

**“Syed arif dan menguasai bidang kerjanya dengan sangat baik. Bukan sahaja menjual buku, akan tetapi tahu membezakan antara buku keluaran baharu dan lama.”**

alami ketika kanak-kanak.

Syed sangat istimewa orangnya. Tidak ada mana-mana pejabat yang akan membenarkan penjual menjual barang dalam pejabat. Akan tetapi Syed membuktikan bukan sahaja bebas melepas sekatan pengawal di pintu pagar malah bebas keluar masuk dalam pejabat.

Dia kenal dengan semua orang – daripada tukang sapu hingga Ketua Pengarang. Bagi kakitangan Utusan Melayu, Syed adalah sebahagian daripada mereka. Dia tidak dianggap penjual buku atau orang luar.

Misalnya setiap kali diadakan majlis makan malam kepada semua kakitangan pada setiap 25 Disember, Syed tidak pernah ketinggalan diundang. Syed datang dengan berbaju Melayu, lengkap bersongkok dan bersampin. Banyak juga yang mengusik Syed, “Bila nak masuk Melayu?” Akan tetapi tidak pernah mengambil hati.

Selain menjadi satu bidang pekerjaan, cara Syed menjual buku menjadikan dia seorang yang

menyumbang pada peningkatan kadar membaca dalam kalangan masyarakat. Setidak-tidaknya pelanggan di pejabat-pejabat yang Syed kuasai menjadi pembaca tegar akhirnya.

Pertama kali saya kenal Syed pada suatu petang tahun 1984. Ketika itu saya sedang khusus menulis berita. Tiba-tiba ada orang melempar dua majalah di atas meja. Terkejut dan marah jugalah kerana menganggu. Dalam keadaan ilham yang mengalir laju, tiba-tiba terbantut. Saya angkat kepala dan menjelik kepada Syed.

Syed tersengih dan kepala yang bergoyang-goyang. Dia tahu yang saya marah kerana menganggu konsentrasi menulis berita. Sebenarnya semua orang dilemparnya begitu. Kemudian mengutip semula kalau tidak ada yang membeli.

“Sorry abang, tengok-tengok dulu,” kata Syed yang berusia lingkungan 40-an dan saya berusia 24 tahun. Perwatakannya membuatkan saya tidak jadi marah dan membelek-belek kedua-dua majalah itu. Rasa hendak beli tetapi tidak cukup duit menunggu sampai hujung bulan.

“Tak naklah. Saya tak ada duit,” kata saya apabila Syed datang mengutip semula majalah yang dilemparkan tadi. Wartawan senior di depan saya menyampuk, “Bayar hujung bulan. Ambil saja.”

“Hello abang, yang mudah jangan buat susah. Ambil...ambil,” Syed mengeluarkan buku hutang yang kusam. Saya menjelit apakah yang ditulisnya. Tulisan Tamil yang

tidak difahami.

“Dia ni ceti moden. Bagi hutang kutip hujung bulan. Cuma tak pakai kain putih dan bawa payung hitam saja,” kata wartawan senior yang juga pelanggan Syed.

“Ceh.... Itu ceti jahat punya orang. Saya baik punya orang,” kata Syed dengan kepala yang bergoyang-goyang.

Syed melakukan kerjanya dengan penuh tekun dan minat yang tinggi. Dia kelihatan sentiasa gembira dengan kerjanya. Walaupun waktu untuk mengutip hutang bukan kecil cabarannya. Ada juga yang bersilat dan liat apabila hendak membayar hutang.

Dalam banyak yang jujur membayar pada hujung bulan, memang terselit juga yang liat dan langsung tidak mau bayar. Saya mendapat tahu kejadian seperti itu, tetapi daripada cerita orang lain. Syed sekalipun tidak merungut mengenai hal ini. Dia tidak pernah rasa terganggu dengan perbuatan yang tidak bertanggungjawab kepadaanya.

Kalau tidak silap sekitar tahun 2000, Syed hilang dari pandangan. Tidak lagi datang ke Utusan Melayu seperti biasa. Tidak ada siapa yang tahu khabar beritanya seorang penjual buku bergerak dengan motor kapcainya. Syed telah meninggalkan ingatan yang jernih kepada mereka yang pernah mendapat khidmatnya.

## Sajak

### BELANGA PERPADUAN

Jangan kau isi  
belanga itu dengan kebencian

Jangan kau tanak  
kemarahan dan mungkar  
nanti jangan ingkar

Jangan kau biar  
belanga itu merebus  
adu domba nanti buta  
dari telus

Jangan kau biarkan  
belanga perpaduan  
itu kosong budi  
nanti rakyat menyendiri  
dikolam hati

Secangkir madani itu  
yang kau hidang  
biarlah benar-benar menghilangkan  
sebuah dahaga di pintu.

Hasni H

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM  
**Wilayah Ku**  
UNTUK MENDAPATKAN BERITA  
DAN INFORMASI TERKINI!



# Pakar tempatan atasi gangguan LRT



LRT yang beroperasi lebih 20 tahun di negara ini sepatutnya sudah mempunyai tenaga pakar tempatan.

**S**ISTEM Transit Aliran Ringan (LRT) diakui dan diterima sebagai salah satu pengangkutan awam penting di ibu negara. Ia menjadi pilihan ramai pengguna kerana perkhidmatannya dianggap lebih efisien berbanding pengangkutan awam lain.

Sebab utamanya LRT, seperti juga Transit Aliran Massa (MRT) dan monorel, bergerak di atas laluan sendiri, tidak tertakluk kepada kesesakan jalan seperti bas atau teksi. Dengan itu jadual perjalanan lebih tepat untuk membolehkan pengguna sampai ke destinasi masing-masing menurut waktu.

Tetapi kebelakangan ini kerap berlaku gangguan perkhidmatan LRT sehingga menyusahkan pengguna. Gangguan ini menimbulkan keresahan serta rungutan orang ramai. Adi percaya mereka tidak menyukainya.

Tambahan lagi kerosakan itu ada kalanya mengambil masa lama diperbaiki. Pakar dalam bidang pengangkutan percaya masalah ini berlaku kerana Malaysia tidak mempunyai pakar teknikal dalam kalangan warga tempatan sehingga gangguan perkhidmatan atau kerosakan itu gagal diatasi segera.

Antara yang kerap terkena tempias gangguan ini ialah Laluan Ampang antara Stesen LRT Masjid Jamek dan Stesen LRT Bandar Raya. Akibatnya ramai pengguna terjejas, khususnya pada waktu puncak, sehingga urusan sehari-hari tidak berjalan lancar.

Bas-bas penghubung atau *feeder bus* terpaksa disediakan untuk mengangkut penumpang. Tentunya ini tidak memenuhi matlamat LRT menyediakan

khidmat terbaik dan pantas tanpa menyusahkan orang ramai.

Satu lagi contoh pada 27 Januari lalu, Rapid Rail Sdn Bhd yang mengoperasikan LRT, memaklumkan perkhidmatan LRT laluan Ampang—Seri Petaling lewat disebabkan penjajaran landasan bengkok berhampiran Stesen LRT Bandar Raya.

Berikutnya itu, sebuah syarikat perunding kejuruteraan diarah melakukan siasatan menyeluruh terhadap struktur jejambat dan gelegar serta mencari punca sebenar kenapa gejala bengkok boleh berlaku.

Difahamkan keadaan ini terjadi kesan projek pembinaan di kawasan berkenaan. Dianggarkan tempoh tujuh bulan diperlukan untuk membaiki kerosakan. Bayangkan kesannya kepada pengguna.

Memetik pensyarah Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Profesor Madya Dr Haryati Shafie, seperti dilaporkan media, memang wujud risiko sekiranya projek pembinaan yang melibatkan penanaman cerucuk dilakukan berhampiran landasan.

Penanaman cerucuk boleh menyebabkan gangguan kepada struktur tanah. Kerana itu sewajarnya laporan dan analisis struktur tanah dilakukan dengan teliti sebelum projek pembinaan dibenarkan.

Bagi Adi, apa yang berlaku bukan sahaja menyusahkan pengguna LRT tetapi boleh mendatangkan akibat tidak diingini kepada orang awam yang berada di persekitaran kawasan berkenaan. Justeru langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menghentikan pembinaan adalah tepat demi keselamatan semua.

Mengenai kekurangan pakar tempatan mengatasi segera masalah gangguan perkhidmatan LRT, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Law Teik Hua, menekankan negara sepatutnya sudah memiliki pakar teknikal tempatan.

Tugas mereka ialah mengenal pasti masalah berbangkit dan berusaha mengatasinya sepanjang mungkin. Ini penting kerana Adi sendiri berpendapat masalah yang gagal diselesaikan dalam tempoh segera merugikan rakyat dan negara.

Malaysia banyak bergantung kepada teknologi negara luar, termasuk LRT. Namun negara tidak dilengkapi kepakaran bagi mengendalikan teknologi luar ini seandainya masalah berbangkit di luar dugaan. Mengambil kira bahawa LRT sudah digunakan

lebih 20 tahun di negara ini, sepatutnya tenaga kepakaran tempatan sudah ada.

Kerana itu, amat perlu bagi Kementerian Pengangkutan mewujudkan segera kumpulan pakar teknikal ini. Kita mahu apabila berlaku kerosakan, pakar tempatan mampu menyelesaikan tanpa terlalu bergantung kepada pakar luar. Ini sepatutnya sudah lama dilakukan apabila negara menerima kehadiran LRT dalam sistem sebagai pengangkutan negara ini.

Adi—Seronok naik LRT

## MRT Laluan Putrajaya beroperasi penuh

BULAN ini (Mac) menyaksikan lembaran baharu pengangkutan awam dengan operasi sepenuhnya Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya, menghubungkan Kwasa Damansara ke Stesen Putrajaya Sentral.

Sebelum ini melalui Fasa 1, operasi laluan adalah dari Kwasa Damansara ke Kampung Batu. Fasa 1 MRT dengan jarak 19 kilometer tersebut merangkumi 12 stesen. Ia mula beroperasi Jun tahun lalu.

Fasa 2 laluan yang dibuka bulan ini jaraknya 38.7 kilometer menghubungkan stesen Kampung Batu sehingga stesen penamat di Putrajaya Sentral. Laluan ini merangkumi 24 stesen.

Dengan bermulanya operasi fasa kedua ini bermakna lengkapnya MRT Laluan Putrajaya sepanjang 57.7 kilometer, merangkumi 36 stesen dari Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral.

Adi ucapan tahniah kepada MRT Corp berikutnya pembukaan Fasa 2 ini walaupun telah tertangguh sebelum ini. Asalnya ia dijadual beroperasi pada Ogos 2021, tetapi ditangguhkan kepada November tahun lalu.

Namun sekali lagi ia berdepan kelewatan sehingga akhirnya muktamad beroperasi bulan

Mac. Perjalanan percubaan tren dari Putrajaya Sentral ke Kwasa Damansara dijalankan banyak kali oleh pihak MRT Corp.

Ini untuk memastikan perjalanan lancar tanpa sebarang gangguan. Hasil ujian perjalanan mendapat semua dalam keadaan baik, siap sedia untuk beroperasi.

Dalam Fasa 2 ini, terdapat 15 stesen bertingkat dan sembilan stesen bawah tanah. Penumpang yang ingin bertukar tren boleh melakukannya ke laluan tren sedia ada di 10 stesen pertukaran berbeza.

Pertukaran ini samaada untuk laluan MRT, monorel, Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan juga Ekspres Rail Link (ERL). Memang menarik perkhidmatan disediakan kerana lengkap dengan kemudahan pertukaran tren yang meliputi sistem tren utama di ibu kota.

Untuk kemudahan orang ramai, sebanyak 5,870 ruang parkir disediakan di 15 stesen di sepanjang laluan Fasa 2.

Kerana itu mereka tidak perlu bimbang tempat parkir apabila menggunakan perkhidmatan ini.

Adi percaya pembukaan Fasa 2 MRT Laluan Putrajaya dijangka menyaksikan lebih ramai pengguna menggunakan khidmat MRT apabila ke pusat pentadbiran persekutuan itu. Memang lebih mudah menaiki LRT, tidak perlu berfikir memandu atau mencari parkir di Putrajaya.

Langkah ini juga diharap dapat mengurangkan kesesakan di jalan raya dan di Putrajaya sendiri. Kepada yang ingin mencuba perjalanan laluan ini sepenuhnya bolehlah menaiki tren dari Kwasa Damansara ke Putrajaya atau sebaliknya. Tentunya ia suatu pengalaman yang menyeronokkan.

Adi—Menunggu untuk mencuba

*Adi Taib*



Raih 1 pingat perak, 1 gangsa di PESAYA-14

# YWP bakal bangkit atasi kekecewaan

HAZIRAH HALIM

**S**ETELAH 10 hari berlangsung, Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia ke-14 (PESAYA-14) secara rasminya melabuhkan tirai dengan menyaksikan kontinjen Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berjaya membawa pulang dua pingat menerusi sukan boling wanita.

Ketua Kontinen YWP, **Mohd Farhan Azhari** berkata meskipun ia tidak menepati sasaran YWP untuk membawa pulang satu pingat emas dan satu pingat perak namun pencapaian itu tetap membanggakan serta menjadi pembakar semangat kepada setiap atletnya untuk membuat persediaan terbaik bagi menghadapi PESAYA akan datang.

"Selaku pengurus kontinen, saya amat berpuas hati melihat kesungguhan dipamerkan oleh pemain-pemain pada setiap kategori



61 orang Atlet YWP bergambar kenangan di hadapan Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching, Sarawak semasa Majlis Perasmian PESAYA-14 pada 11 Februari lalu.

sukan yang disertai. Walaupun banyak sukan terkandas di peringkat kumpulan, namun mereka telah bertungkus-lumus mahu memberikan yang terbaik untuk YWP.

"Kita tidak boleh salahkan mana-mana pihak sekiranya ia tidak

berjaya menepati sasaran yang telah dinyatakan sebaliknya kita perlu memuji kesungguhan para atlet terlibat termasuklah permainan yang telah menyumbang mata kepada YWP.

"Antaranya pemain boling wa-

nita, Zity Nabilah Mohd Nadzri berjaya menyumbang dua mata kepada YWP dengan meraih pingat perak dalam kategori perseorangan dan gangsa bagi kategori master serta pasukan futsal wanita juga turut menyumbang mata di tempat keempat," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, Farhan berkata bagi mengubati kekecewaan di PESAYA-14, pihaknya akan melakukan persediaan lebih awal dari segi pemilihan pemain, latihan termasuk pendedahan tentang teknik permainan sebenar agar pasukan YWP lebih bersedia menghadapi sukan PESAYA-15 yang akan berlangsung di negeri Kelantan pada tahun 2025 nanti.

Terdahulu, PESAYA-14 telah berlangsung selama 10 hari bermula 10 Februari hingga 19 Februari lalu di Kuching, Sarawak dan menyaksikan negeri tuan rumah, Sarawak menjadi johan keseluruhan bagi

## Info ADUAN

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8887 7000  
Aduan : 03-8887 3000



**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852



**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

kejohanan sukan tersebut dengan pungutan pingat sebanyak 12 emas, sembilan perak dan tiga gangsa manakala Sabah berada di tangga kedua dan Johor di tempat ketiga.

WK

# Karnival VIKids Alamanda meriahkan musim cuti sekolah 2023

DIANA AMIR

**BERSEMPEWA** musim cuti persekolahan, ruang legar utama Pusat Beli-Belah Alamanda Putrajaya menjalani transformasi yang menjadikan kemeriahinan, kegembiraan serta suasana selaras dengan tema cuti persekolahan melalui penganjuran Karnival VIKids.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien** berkata karnival yang berlangsung bermula 18 Februari sehingga 12 Mac 2023 ini membawakan pelbagai aktiviti menarik dengan menampilkan permainan menyeronokkan selain daripada aktiviti fizikal untuk kesemua ahli VIKids.

"Ahli VIKids layak menerima sekeping pas karnival dan boleh ditebus setiap hari selagi stok masih ada.

Tebusan pas juga adalah terhad untuk dua ahli VIKids bagi setiap keluarga.

"Melalui Pas Karnival VIKids, kanak-kanak berpeluang untuk merasai pengalaman menaiki karusel, 'kiddie rides' selain dari peluang untuk bermain permainan arked dan taman tema seperti bola keranjang serta aktiviti cat muka dan tangan.

"Setiap Pas Karnival akan dilabel setelah ahli VIKids melengkapkan aktiviti-aktiviti di karnival dan pas Karnival tersebut perlu diserahkan kepada kaunter servis untuk mendapatkan peluang memenangi hadiah di 'Wheel of Prizes,' katanya selain daripada kepelbagaian aktiviti menarik, kanak-kanak juga akan mendapat gula-gula kapas yang akan diedarkan secara percuma.

Tambah beliau, Karnival VIKids juga akan dimeriahkan dan disambut dengan keriangan berganda apabila persembahan yang menghiburkan akan dipertontonkan kepada para pengunjung pada hujung minggu. Para pengunjung cilik akan dihiburkan dengan persembahan akrobatik, pertunjukan silap mata, selain daripada aktiviti ukiran belon yang dibentuk kepada pelbagai jenis objek dan haiwan.

Selain itu, kanak-kanak yang belum mempunyai keahlian VIKids boleh membuat pendaftaran melalui perbelanjaan yang dilakukan dengan nilai serendah RM50 melalui mana-mana dua resit di kedai-kedai terpilih di Pusat Beli-Belah Alamanda Putrajaya dan terbuka untuk kanak-kanak yang berusia 5 sehingga 12 tahun. WK



KANAK-KANAK berpeluang melakukan pelbagai aktiviti yang disediakan.

# Bina sahsiah diri di Yayasan Wilayah Persekutuan

DEEL ANJER

**SETIAP** ketua perlu memainkan peranan sebagai penghubung antara rakyat dengan kerajaan sekali gus memberikan contoh yang baik.

Ini turut diakui Pembantu Tadbir Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Noramira Zaini**, 28, yang mengagumi ketuanya, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Turut menggalas tugas sebagai pembantu peribadi, Noramira akui Zaizalnizam yang merupakan tonggak utama YWP dilihat sebagai seorang ketua berjiwa rakyat serta bertanggungjawab dan secara tidak langsung aura positif itu dirasai oleh kakitangan YWP termasuk dirinya.

"Kata orang, kalau sentiasa berada dalam kalangan orang baik-baik, *insya-Allah* kita pun akan lebih cenderung untuk melakukan kebaikan. Dalam kalangan pekerja di



NORAMIRA (kiri) sedang menjalankan tugas bersama Zaizalnizam (dua kiri) di PESAYA - 14 Sarawak.

YWP, rasanya semua tahu dengan kemurahan hati Datuk. Di luar juga beliau bersikap begitu.

"Sepanjang tiga tahun bekerja, kebaikan yang dilakukannya seperti suka bersedekah, prihatin dengan nasib rakyat dan sebagainya cukup membuatkan saya ingin

menjadi seperti itu," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menurut Noramira, sebagai kakitangan bukan hanya pengalaman kerja dapat diperolehi di YWP malah membuatkan dirinya lebih bersemangat dalam apa sahaja acara yang melibatkan masyarakat.

"Misalnya dalam bantuan banjir, bantuan awal persekolahan, menziarahi mangsa kebakaran, aktiviti bersama golongan miskin dan B40, gelandangan dan sebagainya."

"Ia menjadi lengkap apabila ketua kami turut turun padang bantu rakyat tanpa mengira tempat dan masa," tambahnya.

Dalam pada itu, Noramira turut berharap agar lebih ramai pihak di luar sana dapat bekerjasama dengan YWP demi kesejahteraan rakyat.

"Datuk selalu luah kepada saya bahawa dirinya mahu terus berikan yang terbaik kepada masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan."

"Oleh yang demikian, usaha sama dengan pelbagai pihak luar perlu dikembangkan lagi agar bantuan dapat diberikan dengan lebih meluas," jelasnya setiap bantuan yang diberikan dapat memanfaatkan warga kota pada masa akan datang. WK

## Yayasan Wilayah Persekutuan

**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T.)

**Hubungi:** 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**E-mel:** info@yayasanwp.org.my

**Laman sesawang:** www.yayasanwp.org.my

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (*Wilayahku*)

**Laman sosial YWP:** Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

**RODA KOTA**

3-9 MAC 2023 . Bil 202

Wilayah Ku

# Sistem OSC 4.0 PPJ

## Inovasi pendigitalan sepenuhnya

DALAM menuju pendigitalan proses pemajuan di Putrajaya, Perbadanan Putrajaya (PPj) menambah baik Sistem Pemantauan One Stop Centre (OSC) 3.0 PPj kepada OSC 4.0 PPj.

Pelbagai kebaikan diperoleh melalui sistem terbaru yang dijalankan 100 peratus dalam talian selain tidak melibatkan penggunaan kertas selari dengan OSC sebagai inisiatif ke arah Putrajaya Bandaraya Rendah Karbon 2025.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



# 100% dalam talian, sifar penggunaan kertas



FOTO: FARIS AZMI / PPj  
AINI MAWAWI

## DARI MUKA 9

**PERBADANAN** Putrajaya (PPj) melangkah setapak ke hadapan dengan melakukan penambahbaikan terhadap Sistem Pemantauan OSC 3.0 PPj kepada Sistem Pemantauan OSC 4.0 PPj yang beroperasi sepenuhnya pada 2 Ogos 2022.

Sistem OSC 4.0 PPj ini merupakan salah satu inovasi ke arah pendigitalan sepenuhnya proses pemajuan di Putrajaya yang selari dengan teknologi IR 4.0 yang berteraskan pendigitalan.

Ia akan lebih memudahkan proses pemajuan daripada pengumpulan maklumat bagi memulakan projek, kelulusan pelan, kerja pembinaan di tapak sehingga ke peringkat perakuan siap dan pematuhan (CCC).

Menurut Pengarah Bahagian Kawalan Perancangan Dan

Pembangunan Jabatan Perancangan Bandar PPj, **TPr Salmah Salman**, sistem OSC 4.0 PPj mengamalkan konsep 100 peratus dalam talian dan sifar penggunaan kertas.

"Ia termasuklah minit mesyuarat, surat keputusan dan surat kelulusan permohonan yang boleh diakses oleh pengguna melalui sistem tersebut," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, ciri-ciri utama bagi sistem tersebut adalah tandatangan digital, pembayaran melalui *Financial Proses Exchange (FPX)*, penyediaan *chatbot* bagi membantu pengguna dan integrasi bersama sistem sedia ada seperti *System Analysis and Program (SAP)* dan Sistem eLesen Putrajaya (ELP).

"Sistem ini juga akan memantau semua permohonan dari peringkat

awal sehingga kelulusan diberikan. Ia termasuklah proses permohonan dikemukakan, penjelasan fi proses, semakan teknikal, mesyuarat jawatankuasa OSC, pemakluman keputusan dan surat kelulusan.

"Selain itu, tempoh piagam dalam Sistem OSC 4.0 juga telah ditambah baik bagi memastikan kepuasan pelanggan serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Semua aktiviti tersebut akan berlaku secara atas talian dan dikawal selia oleh urus setia OSC," ujar beliau lagi.

Salmah berkata satu kaji selidik kepuasan pelanggan telah dilaksanakan pada Januari 2023 secara dalam talian kepada 100 responden yang merupakan pengguna sistem sepenuhnya.

Pengguna-pengguna sistem



SALMAH

yang terlibat termasuklah perunding bertauliah, kontraktor, pemilik premis, pemaju, persatuan penduduk, agensi teknikal luar, jabatan teknikal dalaman PPj dan pegawai-pegawai PPj.

"Hasil kajian tersebut membuktikan 91 peratus responden menyatakan sistem ini sangat memuaskan dan hanya sembilan peratus sahaja yang memberi respons sederhana memuaskan.

"Ia juga mendapat sistem ini sangat membantu responden dalam penjimatan masa, penjimatan kos susulan pengurangan tenaga kerja, penjimatan kos percetakan dan pengangkutan.

"Perkara ini membuktikan dengan mengamalkan satu sistem yang 100 peratus menggunakan platform atas talian dapat meningkatkan produktiviti kerja serta menjamin alam sekitar yang lebih mampan," ujar beliau.

## BAKAL SERTAI PERTANDINGAN ANTARABANGSA

MENGULAS lanjut tentang sistem OSC 4.0 PPj yang bakal dilancarkan pada 5 Mac akan datang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersempena *The Annual Productivity & Innovation Conference (APIC) Exposition 2019*.

Sistem OSC 4.0 yang dibangunkan PPj kini turut diguna pakai oleh kesemua Agensi Teknikal Luar (ATL) antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya, Ketua Pegawai Kerajaan Malaysia (CGSO), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan sebagainya.



MESYUARAT OSC 4.0 PPj yang dipengerusikan Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud (kanan) memperlihatkan sifar penggunaan kertas sepanjang mesyuarat berlangsung.

PUSAT Setempat OSC PPj menggunakan sistem OSC 4.0 untuk memudahkan urusan proses pemajuan di Putrajaya.



## Pembaharuan Sistem OSC 4.0 lebih holistik



**HAZIRAH HALIM**

**RATA-RATA** Agensi Teknikal Luar yang turut menggunakan Sistem OSC 4.0 berpuas hati terhadap penambahbaikan sistem terbaru.

Ini kerana konsep 100 peratus dalam talian dan sifar penggunaan kertas amat memudahkan proses pengambilan dan pengumpulan maklumat dan sebagainya.

Bagi Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Putrajaya, **Azril Hafiz**

**Ab Rahim**, Sistem OSC 4.0 lebih memudahkan serta mempercepatkan urusan pengguna termasuk kakitangan jabatan atau agensi terlibat untuk mengemukakan sebarang permohonan, penjelasan bayaran fi dan semakan teknikal.

"Jika dahulu, ketika menggunakan Sistem OSC 3.0 pihak kami masih

perlu menghantar *hard copy* pelan kerana ia tidak mempunyai ciri untuk memuat naik saiz fail yang besar namun dengan penambahbaikan Sistem OSC 4.0 yang lebih ke arah digital ini segala proses boleh dilakukan melalui dalam talian sahaja. Pengguna juga boleh muat turun segala data yang diperlukan pada bila-bila masa, rujuk ulasan serta perkembangan terkini permohonan.

"Dengan itu, kita tidak perlu lagi cetak surat-surat ulasan atau permohonan kerana di dalam sistem ini pihak perunding telah pun memberi ulasan kepada setiap permohonan."

"Dalam masa sama, kita juga boleh mengesahkan kehadiran apabila menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa OSC dengan memasukkan data



**AZRIL HAFIZ**



**NUR IDAYU JAMIL**



**AHMAD LUTFI**

kehadiran ke dalam sistem. Apabila kehadiran telah dimasukkan, pihak perunding akan muat turun dan masukkan ke dalam sistem kertas pengurusan," katanya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, Jurutera Kanan Tenaga Nasional Berhad, **Nur Idayu Jamil** berkata penambahbaikan terhadap Sistem OSC 4.0 ini lebih praktikal dan ke arah digitalisasi yang mana secara tidak langsung ia telah

mempercepatkan urusan pegawai terlibat untuk menyemak permohonan, memproses dan memantau maklumat yang diterima di dalam portal.

"Saya amat berpuas hati dengan Sistem OSC 4.0 kerana ia memiliki portal yang lebih responsif, menggunakan sistem tandatangan dan dokumen 100 peratus digital dalam sistem serta lebih produktif berbanding Sistem OSC 3.0.

"Bukan itu sahaja, sistem ini juga memudahkan pengguna untuk mengakses keputusan kelulusan permohonan, maklumat mesyuarat, dokumen secara dalam talian dan tidak perlu hadir ke pejabat untuk meminta

dokumen tersebut. Di situ, ia telah menjimatkan masa terutama dari segi kebolehcapaian untuk memberi maklum balas permohonan yang terdapat di dalam sistem," kongsinya.

Dalam pada itu, Pengurus Projek Pembangunan Telekom Malaysia Berhad, **Ahmad Lutfi Ibrahim** berkata sistem ini wajar ditambah baik kerana ia dilihat sebagai notifikasi penting kepada umum untuk mengemukakan permohonan, memperoleh keputusan permohonan dan sebagainya.

"Dengan kaedah yang lebih digital dan sistematik, saya yakin bahawa segala urusan akan diselenggarakan dengan sempurna kerana perkhidmatannya kini adalah 100 peratus dalam talian dan *paperless* malah pengguna juga boleh melihat status dan permakluman menerusi notifikasi e-mel yang diaftarkan," jelasnya. **WK**



**BAGI** saya Sistem OSC 4.0 ini memang lebih pantas sebagai contoh dari segi pembayaran misalnya, cagaran, bil dan sebagainya yang kita lakukan atas talian, kita boleh terus beritahu yang mana setiap pihak terlibat akan menerima notifikasi.

"Setiap urusan sepenuhnya dijalankan atas talian tidak perlu surat-menyerat. Dokumen kelulusan pula misalnya boleh terus diproses dan dihantar. Selain itu, tempoh piagam permit daripada 21 hari ke 14 hari sahaja."

**Suzana Ku Isahak**  
Pemproses Kelulusan Infra PPj



**SITUASI** pemantauan tapak MRT Putrajaya ketika proses pembinaan. Sesi pemantauan dijalankan menggunakan gajet.



**SALMAH** (tiga kiri) bersama tim OSC bergambar di MRT Putrajaya. Sistem OSC 4.0 digunakan untuk memantau proses kelulusan pelan sehingga CCC.



## Kontinjen YWP di pentas PESAYA



**SYUQQREE MOHD DAIN**

**P**ESTA Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia ke-14 (PESAYA-14) 2023 yang berlangsung selama 10 hari bermula 10 Februari di Kuching, Sarawak telah melabuhkan tirainya pada 19 Februari lalu.

Kontinjen Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah menghantar seramai 61 orang pegawai serta atlet untuk

mengambil bahagian dalam 11 dari 14 jenis sukan yang dipertandingkan pada temasya dwitahunan ini.

Antara acara sukan yang disertai oleh kontinjen YWP ialah badminton, bola jaring, bola tampar, tenpin boling, dart, esports, futsal, golf, karom dan petanque.

Dengan slogan 'Perpaduan Dalam Kepelbagaiannya Melalui Sukan', temasya yang turut diadakan bersempena Sambutan 60 tahun Kemerdekaan Sarawak ini mendapat penyertaan daripada 13 buah yayasan negeri dari seluruh Malaysia. **WK**







# Kesepian, tekanan, kemurungan

**Pelajar zaman ini  
perlu sokongan  
kesihatan mental**

INTERNATIONAL MEDICAL  
UNIVERSITY MALAYSIA

**P**ERBINCANGAN mengenai isu kesihatan mental kini sudah semakin terbuka, tetapi apakah itu bermakna bantuan lebih mudah untuk diperolehi? Seorang daripada tiga orang dewasa di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental yang mana laporan menunjukkan tahap tekanan, kebimbangan dan kemurungan yang tinggi dalam kalangan pelajar. Oleh itu, sudah tiba masanya kita mengambil serius mengenai isu ini.

Mudah untuk kita mengimbau kenangan zaman kanak-kanak yang riang dan indah sebelum beban dan tanggungjawab sebagai orang dewasa bermula. Namun begitu, pengalaman membesar pada zaman ini adalah sangat berbeza. Di seluruh dunia, ramai golongan muda bergelut dengan kesihatan mental yang kurang baik.

Dianggarkan 86 juta orang muda berusia 15 ke 19 tahun hidup dengan diagnosis kesihatan mental. Antaranya, 50 peratus bermula pada umur 14 tahun dan 75 peratus pada pertengahan 20-an. Apa maknanya statistik itu kepada anak-anak muda kita? Ini bermakna isu kesihatan mental menyerang di saat mereka sedang berada di waktu penting kehidupan akademik yang menjangkau masa dari persekolahan menengah hingga ke kolej dan universiti.

Sebelum kita menganggap masalah ini berpunca daripada gaya hidup dan falsafah asing, mari kita lihat statistik tempatan. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi mendapati masalah kesihatan mental yang paling tinggi tersebar luas dalam kalangan mereka yang berumur 16 ke 19 tahun, di mana 18.3 peratus mengalami kemurungan, manakala 10 peratus lagi mempunyai kecenderungan berfikir untuk membunuh diri.

Apa yang lebih merisaukan adalah peningkatan berterusan dalam kes-kes yang dilaporkan iaitu daripada 10.6 peratus pada tahun 1996 kepada 29.2 peratus pada 2015 yang melibatkan anak-anak muda berusia 16 tahun

ke atas. Antara faktor yang dikaitkan dengan peningkatan ini termasuklah pengangguran, masalah kewangan, isu keluarga dan perhubungan, ditambah pula kemahiran daya tindak yang lemah dan kurangnya sokongan sosial.

Biarpun pandemik COVID-19 memberi kesedaran dan tumpuan mengenai isu kesihatan mental dan saluran sokongan yang tersedia, masih terdapat banyak kekangan kepada rawatan seperti lemah pemahaman mengenai masalah kesihatan mental, takut akan stigma sosial dan perasaan malu, kurangnya sokongan sosial serta kesukaran mendapatkan khidmat profesional dalam menangani isu tersebut.

Bagi pelajar universiti yang ke luar negara untuk menamatkan pengajian mereka, perkara ini boleh menjadi masalah yang lebih buruk. Untuk mencari penyelesaian kepada isu ini, universiti seperti Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) sering bekerjasama rapat dengan fakulti-fakulti rakan universitinya bagi memastikan kesejahteraan para pelajar terjaga dan mendapat sokongan penuh selain menyediakan penanda aras tentang bagaimana para pelajar IMU bertahan di luar negara. Sokongan boleh datang dalam bentuk inisiatif yang diterajui pelajar sendiri seperti sokongan rakan sebaya di mana pelajar menghulurkan bantuan secara efektif dan sesi-sesi kaunseling bersama peneraju akademik, pembimbing kanan dan kaunselor profesional.

Seorang pelajar pertukaran tahun kelima di Universiti Edinburgh, Goh You, berkongsi perspektifnya mengenai isu kemurungan, kebimbangan, insomnia dan kelesuan yang mana menurutnya adalah perkara biasa dalam kalangan pelajar berpuncak daripada pelbagai sebab dan semakin memburuk kerana berjauhan daripada keluarga.

Berpendir dari Malaysia yang bercuaca panas ke kota Edinburgh yang dingin membuatkan Goh menyadari bahawa hal kecil pun menjadi satu peringatan kepada dirinya

yang dia berada jauh dari tanah air. Misalnya, apabila berlaku kekeliruan nama sendiri, nama keluarga dan kesukaran memahami loghat Inggeris Scotland. Musim sejuk yang berpanjangan dan awalnya matahari terbenam turut sukar ditanggung.

"Ada masanya saya tidak dapat melihat matahari selama berhari-hari. Berada di wad hospital dari pukul 8 pagi dan balik pada pukul 5 petang di mana ketika itu hari sudah pun gelap. Semua itu menyumbang kepada satu perasaan bahawa ini bukan tempat saya dan kita perlu berusaha lebih lagi untuk membina perhubungan dalam cabaran budaya dan sosial yang berbeza. Secara keseluruhannya, besar perbezaannya apabila anda dapat membina sistem sokongan yang betul dan tahu bila, di mana serta bagaimana hendak mendapatkan bantuan yang kita perlukan," katanya.

Biarpun secara umum pengalaman Goh adalah positif, ramai pelajar tempatan dan luar negara yang bergelut dengan masalah kesihatan mental yang ada masanya boleh membawa kepada perubahan tingkah laku kronik dan berpanjangan. Pada kebanyakan masa, tanda-tanda seperti susah untuk tidur, mudah marah atau menarik diri daripada aktiviti sosial mudah dikesan keluarga terdekat, kawan-kawan dan orang lain seperti rakan sepengajian, sekelas atau guru.

Menurut kaunselor dari Unit Perkembangan Diri IMU, berikut adalah beberapa perubahan tingkah laku yang perlu diperhatikan:

- Gangguan pada corak tidur. Ini termasuklah kesukaran untuk tidur dan susah pulih untuk bangun tidur, terjaga di tengah malam atau tidak berlebihan.
- Ledakan emosi seperti terlalu sensitif, mudah jengkel, sakit hati atau marah.
- Kelesuan yang berterusan atau selalu penat.
- Daya penumpuan yang lemah, termasuklah mudah terganggu

ketika bersempang.

● Perubahan ketara dalam tabiat pemakanan dan perubahan berat badan yang tiada kaitan dengan isu kesihatan fizikal.

● Menarik diri secara sosial. Seseorang itu mungkin mengelak atau menarik diri daripada aktiviti sosial, kurang aktif, lebih banyak berdiam diri atau tidak ikut serta dalam kumpulan sosial. Mereka juga mungkin mengelak daripada bertentang mata dengan orang lain.

● Corak tingkah laku yang diterangkan di atas muncul secara berterusan dan bukannya pada satu-satu masa sahaja atau dalam waktu yang singkat.

Beberapa tanda amaran itu dengan mudah boleh disalah erti atau disalah tafsir dalam konteks sosial yang berbeza. Oleh itu, adalah penting untuk kita bersabar dalam memahami tingkah laku seseorang apabila ia boleh menunjukkan kemungkinan risiko kesihatan mental.

Mengenal pasti tanda-tanda amaran hanyalah langkah pertama. Langkah seterusnya adalah menawarkan sokongan kepada individu yang sedang bergelut dengan kesihatan mental. Para kaunselor di Unit Pembangunan Diri IMU berkata adalah sangat penting untuk mendengar kata hati kita yang mana sering kali tanda-tanda itu sebenarnya sudah ada dan memberitahu kita ada sesuatu yang tidak kena, tetapi kita mungkin buat-buat tidak tahu dan tidak mengendahkannya. Adakala, kita mungkin berasa bimbang akan keselamatan diri sendiri.

Berikut adalah pesanan mereka berdasarkan model NEC:

● **Notice (Sedar)** – Memberitahu mereka yang anda risau dengan pemerhatian anda mengenainya seperti, "Saya perasan yang awak kurang makan atau tidur sejak akhir-akhir ini."

● **Express concern (Nyatakan kebimbangan)** – Beritahu yang anda bimbangkan mereka, tawarkan ruang dan privasi untuk anda mendengar masalah mereka dan menyokong mereka dalam apa sahaja keadaan. "Saya risau kamu. Apa yang berlaku? Saya di sini jika kamu ingin berbual."

● **Connect them to someone who can help (Hubungkan mereka dengan orang yang boleh membantu)** – Cadangkan seseorang atau sumber di mana mereka boleh mendapatkan bantuan yang diperlukan atau tawarkan diri anda untuk menemani mereka apabila mereka sudah bersedia untuk mendapatkan bantuan profesional. Contohnya, "Saya mungkin tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini sekarang, tetapi saya ada seorang kawan yang pernah mendapatkan bantuan daripada XYZ; mungkin kita boleh ke sana bersama-sama?"

Mendapatkan sokongan yang betul adalah sangat penting dalam menguruskansesihatanmental. Namun begitu, ketika ini sekitar 20 peratus sahaja rakyat Malaysia yang menderita masalah kesihatan mental yang mendapat rawatan serta penjagaan profesional. Sebagai bantuan, terdapat beberapa pilihan yang tersedia untuk individu atau penjaga mereka, termasuklah:

● **Badan bukan kerajaan (NGO).** Banyak organisasi yang menawarkan sokongan kesihatan mental dengan bayaran yang berpatutan seperti khidmat kaunseling AGAPE, SOLS 24/7 dan Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM).

● **Hospital-hospital kerajaan.** Surat rujukan diperlukan yang boleh didapat daripada doktor.

● **Unit-unit kaunseling di pusat-pusat pengajian tinggi.**

● **Pengamal kesihatan mental swasta** termasuklah pakar psikiatri swasta, pakar psikologi klinikal dan kaunselor.

● **Program-program praktikal/latihan amali di universiti-universiti tertentu seperti di IMU.**

Untuk mendapatkan senarai sumber khidmat kesihatan mental yang lebih komprehensif, sila rujuk laman sesawang <https://sites.google.com/view/psymalaysia/>.

Pada tahun-tahun mendatang, sumber-sumber ini berkemungkinan besar akan menjadi lebih komprehensif memandangkan Rancangan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan 2020-2025 menyasar untuk membangunkan lagi perkhidmatan kesihatan mental negara dan bergerak ke arah penjagaan berasaskan komuniti supaya lebih ramai orang boleh mendapatkan bantuan.

Sementara itu, usaha berterusan setiap daripada kita termasuklah organisasi-organisasi yang terlibat dalam memastikan kesedaran dan pemahaman yang lebih meluas mengenai kesihatan mental pada setiap peringkat masyarakat diharap dapat menyingkirkan setiap halangan kepada rawatan supaya setiap orang yang memerlukannya dapat tampil ke hadapan dan menerima bantuan yang mereka perlukan. **W.K**



# 200 menu tradisional

## di Hotel Tenera sempena Ramadan



DEEL ANJER

**M**EMASUKI bulan Mac pastinya restoran-restoran dan hotel mula menawarkan pelbagai bufet bersempena Ramadan yang bakal tiba.

Hotel Tenera, Bangi yang sering menjadi pilihan pengunjung juga tidak ketinggalan menawarkan bufet Ramadan dengan bertemakan 'Sentuhan Ramadan' yang akan bermula pada 19 Mac sehingga 25 April 2023.

Hidangan warisan Melayu ini pastinya menjadi tarikan masyarakat di luar sana yang menggemari masakan tradisional dan sekali gus membuatkan mereka mengimbau kembali kenangan berbuka puasa di desa.

Pengurus Besar Hotel Tenera, **Fadzly Hamzah** berkata kira-kira 200 menu tradisional dan masakan kampung yang ditawarkan untuk bufet Ramadan kali ini terdiri daripada pembuka selera, pencuci mulut,

makanan utama hingga kepada minuman sejuk dan panas.

"Antara hidangan yang ditunggu-tunggu adalah seperti rendang ayam cili padi, urat keting asam pedas, rendang ayam utara, sifut sedut masak lemak, ikan talang gulai nanas, sotong goreng percik, ayam ungkep, daging dendeng, sembilang masak lemak daun kunyit, udang kelapa parut, ayam kunyit telur sarang, daging tetel gulai, sambal udang petai siseh dan banyak lagi.

"Tidak lupa juga variasi makanan di Gerai Penyek Sambal Lada, Bakso Sup, Nasi Ayam Buluh Betong, Kari Kepala Ikan Salmon, Bubur Lambuk Bangi Lama, Sambal Saodah, Oden Celup Celup, Dim Sum, Best In Town Fried Noodles dan Pasta World.

"Aneka pilihan cucur, kuih-muih Melayu, buah-buahan, ais krim, kek serta pelbagai jenis minuman pelengkap selera seperti Air Panehh, Air Sejuk Mata Memandang, Air Botol Legend, Kopi Gantung Brew Omputh dan bermacam-macam lagi," ujarnya pada Sidang Media Kempen Bufet

Sentuhan Ramadan 2023 Hotel Tenera, baru-baru ini.

Menurut Fadzly, harga yang ditawarkan juga adalah berpatutan dan berbaloi dengan juadah 'mewah' yang dihidangkan.

"Bagi penempahan awal atau 'early bird', harga adalah serendah RM88 seorang dan promosi tersebut akan berakhir pada 28 Februari 2023. Selepas tempoh tersebut, pengunjung masih boleh menikmati harga yang berbaloi iaitu RM118 untuk dewasa dan RM58 untuk kanak-kanak berusia 11 tahun dan ke bawah.

"Kami mengunjurkan kira-kira 17,000 pelanggan pada tahun ini dan ianya boleh dicapai memandangkan Hotel Tenera memiliki rekod yang baik dalam menghidangkan juadah berbuka puasa sebelum ini," jelasnya sepanjang bulan Ramadan, Hotel Tenera turut menawarkan promosi harga bilik istimewa termasuk baucar Bufet Ramadan serta hidangan di waktu sahur.

Lebih istimewa, selebriti popular **Datin Alyah** atau nama sebenarnya

Noor Haslia Abu Hasan, 42, telah diperkenalkan sebagai wajah Bufet Ramadan Hotel Tenera 2023.

Ayah berkata tawaran sebagai wajah wakilan itu diterimanya selepas terlibat dalam bidang seni lebih 20 tahun. Malah kunjungannya ke hotel tersebut tahun lalu bagi berbuka puasa membawa kepada kerjasama yang baik ini.

"Sepanjang terlibat dalam bidang seni, ini kali pertama seumur hidup saya dipilih sebagai duta bersempena dengan kempen bufet Ramadan. Tak pernah saya bayangkan.

"Apabila tawaran ini hadir, saya sambut dan terima dengan rasa syukur juga hati terbuka. *Insya-Allah*, saya akan turut serta pada hari tertentu sekali gus mengambil kesempatan untuk menghiburkan pengunjung," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi di talian **03-8929 9600** atau WhatsApp **019-385 4796/019-359 2796** atau layari media sosial Facebook dan Instagram @ **hoteltenerabangi**. **W.K**



DARI kiri; Datin Alyah, Chef Sahisal Azrul Mat Said, Hasmir Ismail (Pengerusi Lembaga Pengarah KPF Hotel Management Sdn Bhd) dan Fadzly Hamzah.

# Bekas isteri Hafidz Roshdi minta nasihat Puteri Sarah



DEEL ANJER

**PELAKON** Puteri Sarah Liyana, 37, mengakui bekas isteri Hafidz Roshdi, Nurul Shuhada pernah meminta nasihatnya berkenaan masalah rumah tangga yang sedang dihadapi.

Shuhada menghubungi Puteri Sarah yang ketika itu berada di Madinah menerusi Instagram dan meminta agar Sarah mendoakan rumah tangganya ketika menuaikan umrah di Tanah Suci.

"Dia Direct Message (DM) dan ceritakan masalahnya. Shuhada minta saya untuk mendoakannya.

"Dia juga bertanya, apa langkah yang patut diambil sebab dia memang tak tahu apa patut dilakukan," ujarnya kepada Wilayahku usai Majlis Pertunjukan Fesyen Jenama Terkemuka, Cosy di ibu negara, baru-baru ini.

Menafikan spekulasi orang ramai



tentang dirinya punca penceraian Shuhada dengan Hafidz Roshdi, Sarah berkata apa yang berlaku dalam hubungan mereka selepas beliau berkongsi nasihat, tidak ada kena mengena dengan dirinya.

"Ada yang cakap saya ajar benda yang salah. Saya cuma mengajar macam mana nak menghadapi pihak ketiga.

"Apa tindakan yang perlu dibuat (dari segi undang-undang) kepada pihak ketiga. Apa yang berlaku kepada kehidupan Shuhada dan Hafidz tiada kena-mengena dengan saya.

"Saya cakap pada Shuhada, buat apa yang dia nak buat. Jangan buat kerana orang lain suruh.

"Apa yang hati dia (Shuhada) cakap pada dia. Shuhada pun cakap pada saya yang dia dah tak boleh nak tahan dan tak tahu nak buat apa.

"Saya kasihan. Saya sebagai wanita yang mengalami nasib sama faham penderitaannya. Pada saya, kalau menderita, ambil tindakanlah, bukan?

"Tapi, terpulang kepada dia sama ada nak stay (bertahan) atau tidak," jelasnya yang masih berstatus isteri kepada Syamsul Yusof.

Terdahulu, media melaporkan Hafidz, 29, didakwa sudah menceraikan Nurul Shuhada dengan talak satu bersaksikan keluarga.

Nurul Shuhada juga dilaporkan ke mahkamah pada 1 Mac lalu untuk pengesahan lafadz cerai tersebut.

Untuk rekod, Hafidz dan Nurul Shuhada mendirikan rumah tangga pada 30 April 2016 dan telah dikurniakan dua cahaya mata iaitu Humairah, 6, dan Umar, 2 tahun.



HAFIDZ ROSHDI &amp; NURUL SYUHADA



PUTERI SARAH

## "Inilah fitnah paling teruk", Wawa & Aeril saman blog

"**RASANYA** inilah fitnah paling teruk pernah kami terima," jelas **Wawa Zainal** apabila dia dan suaminya, Aeril Zafrel difitnah sebuah blog kononnya pasangan ini tidak membayar penuh gaji pekerja.



AERIL ZAFREL &amp; WAWA ZAINAL

Wawa akui kecewa apabila blog tersebut dengan sengaja dan tanpa rasa bersalah menggunakan gambar mereka berdua seolah mengiyakan dakwaan tersebut.

"Blog yang membuat tuduhan itu tergambarkan menggunakan gambar saya dan Aeril berserta kenyataan kononnya individu membuat luahan gaji dipotong itu adalah pekerja kami.

"Kenyataan itu juga bukan dalam bentuk tanda tanya. Malah, apabila gambar kami dikeluarkan, ia seolah-olah mengiyakan dakwaan tersebut.

"Tidak ada sebarang isu mengenai gaji. Malah, ketika pandemik dan negara berdepan situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami masih mampu memberikan bonus kepada pekerja," ujarnya yang memberitahu semua pekerja menerima bonus raya dan diraikan bercuti ke luar negara.

Wawa berkata demikian ketika Majlis Malam Penghargaan Ejen dan Stokis Wawa Cosmetics yang diadakan di Hotel Tenera, Bangi, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Wawa akui tindakan undang-undang akan diteruskan agar menjadi pengajaran kepada pihak yang lain.

"Saya dan Aeril tidak mau perkara seperti ini merosakkan hubungan baik kami dengan pihak media. Tetapi pengajaran harus diberikan agar tiada pihak sewenang-wenangnya membuat spekulasi.

"Kami harap blog terbabit tidak ulangi dan jangan sesuka hati tulis perkara tidak sahih. Dalam tidak sedar, ia boleh beri kesan buruk kepada orang lain," tambahnya lagi.

Selain itu, Wawa turut melancarkan produk baharu, *True Love*, sebagai hadiah buat pelanggan setia serta hadiah daripada Aeril sempena ulang tahun perkahwinan yang ke-12.

## "Terima kasih Allah" – Faizal Ismail

**PENYAMPAI** radio popular, **Faizal Ismail (FBI)** kini muncul dengan lagu terbarunya berjudul *Terima Kasih Allah*.

Terima Kasih Allah ciptaan dan lirik sepenuhnya Iwan Syahran adalah gambaran mengenai seorang insan yang pernah berdepan jalan kelam dalam hidupnya sebelum kembali ke pangkal jalan.

"Ia lebih kepada kesyukuran. Selalunya kita sebut *Alhamdulillah*. Yang ini kita nyatakan dalam tajuk *Terima Kasih Allah*. Ia adalah tanda penghargaan, apa yang Allah bagi dari segi nikmat dan hidayah," katanya.

Lagu ketuhuan berentak *slow rock* dengan lirik yang mendalam ini amat sesuai dengan vokal Faizal yang menyampaikannya dengan penuh penghayatan.

Faizal yang kini kembali bekerja sebagai penyampai radio selepas sembilan tahun meninggalkan kerjaya terbabit berkata proses rakaman *single* ini dilakukan di studio milik Iwan sendiri sekitar lima bulan lalu.

"Iwan seorang yang versatil dalam bidangnya. Segala-galanya dibuat sendiri bermula dari rakaman, *mixing* (adunan akhir) termasuklah muzik video. Bahkan cadangan untuk saya merakam lagu pun daripada dia sendiri.



FAIZAL ISMAIL

Kalau nak diikutkan, dah lama saya tak masuk konti sebagai penyampai radio.

"Menyanyi lagilah lama tak buat. Nyanyian bukan satu forte atau satu keutamaan. Cuma saya buat kerana minat dalam bidang muzik yang sememangnya dah lama. Untuk jadikan sebagai karier bukan satu keutamaan," katanya.

Single *Terima Kasih Allah* boleh didengar di semua digital platform seperti Spotify, Apple Music, KKBOX, Deezer dan YouTube Music.

Faizal kini bergelar penyampai di radio Zayan sejak 16 Januari 2023. Dia bergandingan bersama Mawi dan Anas dalam slot Zayan Pagi dari Isnin hingga Jumaat jam 6 hingga 10 pagi.

Untuk rekod, Faizal pernah menghasilkan album secara duo dengan bekas penyampai radio Khairil Rashid (Krill) yang menggelarkan mereka sebagai Khafi. Album berjudul Satu Jengkal ini dikeluarkan pada 2006. WK



**P**EMBUANGAN bayi adalah merupakan isu yang sering timbul sejak sekian lama sama ada di Malaysia maupun negara-negara lain. Perbuatan meninggalkan bayi atau kanak-kanak dengan tujuan untuk membuang ataupun menyembunyikan kelahiran mereka serta tidak mahu bertanggungjawab boleh dikategorikan sebagai perbuatan buang bayi. Persoalannya, mengapa perbuatan buang bayi ini terjadi dan apakah solusi yang diperlukan untuk mengatasi perkara di atas daripada berulang kembali? Aspek sosio-perundangan akan dikupas bagi menangani permasalahan pembuangan bayi ini demi memahami isu di atas.

Memahami isu pembuangan bayi ini adalah satu masalah sosial sangat penting agar masyarakat bersikap lebih prihatin dan bersama-sama mencari solusi. Di dalam konteks keluarga normal, kelahiran anak adalah sangat dinanti. Namun berlainan dalam isu pembuangan bayi, kelahiran bayi mungkin adalah satu keadaan yang tidak diingini atau kurang bersedia dari segala segi. Di dalam konteks pesalah dalam kes remaja mengandung luar nikah, tekanan dari segi faktor umur dan ekonomi memainkan faktor penting ke atas tindakan drastik yang memungkinkan mereka berfikir untuk membuang bayi. Tidak mempunyai sumber kewangan untuk terus menjaga anak yang baru dilahirkan akibat tiada pekerjaan serta tidak mempunyai pendidikan yang baik terus mendesak remaja perempuan untuk membuang anak yang dilahirkan. Namun, apakah semua yang terjadi merupakan kesilapan di bahu remaja yang mengandung anak luar nikah itu tadi dan menidakkannya liabiliti pihak lain? Pihak lelaki yang sepatutnya bertanggungjawab perlu diseret ke muka pengadilan agar turut dijatuhi hukuman undang-undang ke atas kes pembuangan bayi yang mungkin dilakukan oleh 'pasangannya'.

Dari segi teknologi, tiada yang

# Buang bayi: Sayang atau benci?



GAMBAR/hiasan.

mustahil si pelaku dijejaki bersama 'pasangan' memandangkan DNA boleh dikaji seperti mana dalam kes-kes pembunuhan serta lain-lain. Liabiliti ini seharusnya dikaji lebih mendalam memandangkan kes-kes pembuangan bayi boleh menyebabkan kematian ke atas bayi-bayi yang tidak berdosa namun tidak mampu mempertahankan diri kerana faktor usia.

Walaupun kebencian mungkin merupakan salah satu faktor yang mendorong ke atas kes pembuangan bayi, namun tidak dapat dinafikan faktor kasih sayang adalah penyebabnya. Ini kerana, tiada ibu yang mahu melihat anaknya tidak dapat hidup seperti insan lain. Anak yang lahir serba-serbi kekurangan serta dinafikan haknya, memungkinkan si ibu memilih untuk meninggalkan anaknya itu kepada orang lain.

Selain daripada cara sah iaitu terdapatnya alternatif dengan meninggalkan bayi yang tidak diingini di *baby hatch* secara *legal*, selain menyelamatkan nyawa, bayi tersebut boleh dijadikan anak angkat kepada pasangan yang sesuai. Kaedah ini adalah sesuatu yang kontroversi untuk negara kita memandangkan pemikiran masyarakat yang menganggap bahawa ini adalah bagi menggalakkan lagi kes-kes

pembuangan bayi berlaku.

Namun hakikatnya, tidak dapat dinafikan, *baby hatch* menyelamatkan nyawa bayi-bayi yang tidak berdosa ditinggalkan di kaki-kaki lima atau di tempat yang sunyi agar pelaku tidak akan tertangkap dan diakhiri dengan kematian akibat tiada pengawasan ke atas bayi tersebut. Faktor niat si pelaku perlu dikaji oleh pihak berkuasa dalam menangani isu ini, kerana kemungkinan si pelaku berniat hanya untuk memberi bayi yang dilahirkan kepada pihak lain tanpa menyebabkan kematian ke atas anak tersebut dengan harapan bayi tersebut dapat diselamatkan oleh mereka yang menemuinya. Perlu diingat, di dalam aspek perundangan kriminal, selain perbuatan yang salah itu sendiri perlu dibuktikan, niat adalah satu lagi elemen penting dalam membuktikan kesalahan si pelaku.

Ianya juga boleh dijadikan satu bentuk pertahanan sekiranya dibuktikan bahawa si pelaku tidak berada dalam keadaan emosi yang stabil akibat tekanan *postnatal* (selepas kelahiran). Oleh itu, tidak seharusnya si pelaku dalam konteks membuang bayi diadili secara perbuatannya sahaja tanpa mengambil kira elemen niat mereka. Ini juga perlu diperhalusi dan dibezakan dengan kes-kes lain yang melibatkan pembunuhan

serta infantisid yang melibatkan pengguguran. Adalah wajar sekiranya kes pembuangan bayi dikategorikan dalam istilah tersendiri di dalam konteks jenayah perundangan agar dapat dibezakan dengan kategori jenayah lain yang secara zahirnya seakan-akan sama namun mempunyai kesan yang berbeza iaitu mengakibatkan kematian serta pengabaian akibat dibuang.

Masyarakat seharusnya lebih peka dengan kes-kes pembuangan bayi ini serta boleh memberikan maklumat kepada pihak berkuasa agar kebijakan pihak-pihak terlibat terjaga. Pihak kerajaan juga dewasa kini telah mengambil tindakan lebih proaktif dengan memberikan informasi terkini mengenai statistik yang sebenar mengenai kes pembuangan bayi serta bantuan-bantuan sosial yang mungkin diperlukan dalam aktiviti pencegahan.

Pengembangan tenaga dari segenap lapisan masyarakat adalah diperlukan bagi menangani permasalahan kes pembuangan bayi. Isu ini akan lebih berjaya untuk ditangani sekiranya diaplikasikan elemen sosio-perundangan. Pihak keluarga, institusi pendidikan, institusi kesihatan, kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu sama-sama menyedarkan masyarakat bahawa jenayah pembuangan bayi bukan sesuatu yang normal memandangkan resam setiap anak itu memerlukan keluarga. Ini juga adalah searus dengan konsep '*deinstitutionalisation*' atau de-institusi yang mana adalah lebih baik anak-anak diberikan sepenuh kasih sayang dan perhatian di bawah penjagaan ahli keluarganya sendiri dan bukannya di institusi selain keluarga. Ini seterusnya akan membentuk satu kitaran di mana pada masa hadapan, anak-anak ini bakal membesar dan mempunyai keluarga sendiri serta menjaga anak-anak mereka seterusnya.

**“Di dalam konteks pesalah dalam kes remaja mengandung luar nikah, tekanan dari segi faktor umur dan ekonomi memainkan faktor penting ke atas tindakan drastik yang memungkinkan mereka berfikir untuk membuang bayi.”**

Dengan cara ini, konsep kekeluargaan akan terus dihormati dan kes pembuangan bayi tidak akan berleluasa. Selain itu, adalah penting untuk menitikberatkan kesihatan mental seseorang memandangkan dalam penyelidikan ke atas anak-anak yang ditinggalkan, kesan jangka panjang adalah mereka kehilangan jati diri dan tertanya-tanya siapakah diri mereka yang sebenarnya. Manakala untuk si ibu tadi akan melalui trauma sepanjang hayatnya memandangkan mungkin perasaan bersalah akibat terpaksa meninggalkan anak yang dilahirkan kepada orang lain.

Pokok pangkal, segalanya bermula di rumah. Adalah penting masyarakat mengagungkan konsep kekeluargaan dan kasih sayang sesama manusia serta menolak kebencian ke atas mereka yang telah terpalit dengan isu ini. Memberi peluang kedua kepada pesalah adalah diperlukan agar jenayah buang bayi dapat dibendung pada masa hadapan.

**PENULIS merupakan pensyarah kanan di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia manakala Dr Nurhidayah Abdullah ialah pensyarah kanan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di abd\_hidayah@um.edu.my.**

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	<b>RM7,500</b>
HALF PAGE		26cm X 17cm	<b>RM5,500</b>
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	<b>RM4,500</b>
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	<b>RM4,500</b>

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px <b>RM2,500</b>
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px <b>RM2,000</b>
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px <b>RM1,500</b>
	HALF PAGE 350px X 500px <b>RM1,000</b>

**50,000** naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih **500** lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:


**016-658 6278 (ROSLIE HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

**YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)**  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# Pertolongan Cemas Psikologi dipraktikkan bersama



SITI NURMALIYA ZAKARIA  
DR AZMAWATY MOHAMAD NOR

**B**RENCANA adalah peristiwa atau kejadian yang mengancam dan mengganggu kehidupan masyarakat yang disebabkan faktor alam atau bukan alam seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, tsunami, kemalangan dan kebakaran sehingga mengakibatkan adanya korban, kerosakan, kerugian harta benda dan memberikan kesan terhadap psikologi iaitu kesihatan mental.

Bantuan kecemasan seperti peralatan perubatan adalah perkara 'wajib' dan sangat diperlukan apabila berlakunya bencana. Namun, tahukah anda selain menerima bantuan rawatan daripada luar, mangsa bencana juga sebenarnya sangat memerlukan bantuan dari sudut psikologi bagi membantu mereka daripada menghadapi kesan negatif terhadap mental akibat daripada bencana tersebut. Justeru, bantuan psikologi boleh digunakan untuk membantu mangsa dalam mengawal impak dari sudut psikologi terhadap bencana yang berlaku. Bantuan psikologi juga disebut sebagai pertolongan cemas psikologi (*Psychological First Aid* atau PFA).

PFA terdiri daripada satu set tindakan membantu yang sistematik bertujuan untuk mengurangkan tekanan selepas trauma awal dan menyokong fungsi penyesuaian jangka pendek dan jangka panjang. PFA adalah melibatkan bantuan kemanusiaan, sokongan dan praktikal untuk mangsa bencana yang mengalami pendedahan kepada tekanan yang serius serta memerlukan sokongan. Sokongan ini termasuk memberi penjagaan dan sokongan praktikal yang tidak mengganggu, menilai keperluan dan kepentingan mangsa, membantu mangsa dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, minuman, pertolongan kesihatan mendengar empati luahan mangsa dan membantu mangsa untuk berhubung terhadap maklumat, perkhidmatan yang disediakan dan sokongan sosial yang diperlukan oleh mangsa bencana.

Kesukaran yang dialami oleh emosi mangsa tidak kelihatan seperti kecederaan fizikal, tetapi kesannya adalah sama di mana kedua-dua menyakitkan dan melemahkan mangsa. Berdasarkan tragedi-tragedi yang berlaku baru-baru ini, semestinya mangsa bencana tersebut akan mengalami salah satu emosi seperti terkejut, keliru, tidak percaya, takut, bimbang dan sedih. Adalah menjadi perkara biasa apabila mangsa bencana dipengaruhi secara emosi selepas mengalami dan melalui peristiwa yang mengubah kehidupan mereka. Namun, sekiranya emosi ini berlebihan dan tidak dikawal dengan baik, maka berisiko untuk menjelaskan kesihatan mental mangsa. Oleh itu, dari sudut pengurusan emosi mangsa, persediaan awal dari



aspek psikologi amat penting bagi mengatasi tekanan akut dan membantu memberi kekuatan serta semangat kepada mangsa.

Melalui PFA, mangsa bencana akan dibantu untuk mengawal tekanan akut tersebut supaya mangsa dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik agar dapat mewujudkan dan mengekalkan persekitaran dari aspek keselamatan, ketenangan dan keselesaan, keterkaitan, memperkasakan diri dan harapan.

PFA bukan sahaja boleh digunakan kepada mangsa malah juga kepada keluarga mangsa. Dalam tragedi tanah runtuh dan banjir yang berlaku baru-baru ini, semestinya kesedihan dialami oleh ahli keluarga yang mengalami kehilangan orang tersayang dalam tragedi tersebut. Berdasarkan terapi kesedihan, terdapat lima peringkat kesedihan yang dialami oleh individu yang mengalami kehilangan dalam hidup.

Peringkat tersebut adalah *denial* di mana individu yang mengalami fasa ini akan menafikan perkara yang telahpun berlaku dalam hidup.

Peringkat kedua, kemarahan dan peringkat ini adalah normal bagi individu yang mengalami kesedihan akibat kehilangan di mana individu akan mula memarahi diri sendiri, rakan-rakan, orang sekeliling malah juga mempersoalkan berkenaan takdir hidup yang dialaminya.

Peringkat ketiga adalah tawar-menawar dan di peringkat ini individu akan meminta dan memohon dengan bersungguh-sungguh untuk mengembalikan semula apa yang hilang. Peringkat keempat adalah kemurungan. Kemurungan dalam situasi ini bukanlah satu penyakit mental yang bermasalah tetapi sebaliknya ia adalah normal apabila individu yang mengalami kesedihan ini untuk mengasingkan diri mereka, kurang bercakap dan kurang bersosial. Ini merupakan proses untuk penyembuhan terhadap kesedihan yang dialami.

Peringkat terakhir adalah penerimaan. Pada peringkat penerimaan ini, individu mula sedar akan kehilangan yang dialami dan redha dengan takdirnya. Namun begitu, penerimaan ini bukanlah bermakna bahawa individu itu telah sembuh sepenuhnya daripada

kesedihan kerana perasaan sedih akibat kehilangan tidak akan hilang.

PFA bukanlah khusus kepada profesion kaunseling dan psikiatri semata-mata tetapi ia melibatkan kesemua individu yang bertanggungjawab terhadap peristiwa atau situasi yang berlaku dan tidak memerlukan sebarang kelayakan khas. Mana-mana individu yang mendapati bahawa diri mereka berada di kawasan atau tempat yang mengalami krisis bolehlah mentadbir atau mengaplikasikan PFA ini dalam membantu mangsa yang mengalami reaksi stres akut, individu yang berisiko mengalami kesukaran untuk berfungsi dengan baik akibat penyakit atau masalah sosial, individu yang terselamat dari bencana tetapi mengalami trauma dan petugas barisan hadapan yang menguruskan bantuan krisis.

Terdapat empat prinsip tindakan dalam PFA yang perlu dititikberatkan oleh sukarelawan iaitu persediaan (*preparation*), kenal pasti (*look*), mendengar (*listen*) dan menghubungkan (*link*).

Pertama, persediaan atau persiapan. Pengetahuan berkenaan jenis bencana yang dialami, tahap bencana, keadaan semasa dan sejauh mana keperluan dan kebimbangan perlulah diketahui terlebih dahulu sebelum sukarelawan memberikan pertolongan. Bukan itu sahaja, kenal pasti juga perkhidmatan dan bantuan yang telah disediakan dan isu-isu keselamatan yang berlaku terhadap mangsa. Sebagai contohnya, sukarelawan yang ingin membantu mangsa perlulah bersiap sedia dari sudut fizikal, mental dan pengetahuan.

Dari sudut fizikal, sukarelawan perlu mempersiapkan diri dari segi kesihatan di mana pastikan kesihatan diri sendiri berada dalam keadaan baik sebelum memberi pertolongan kepada mangsa. Kesan emosi bukan sahaja dihadapi oleh mangsa malah turut sama dihadapi oleh orang yang melihat terutamanya sukarelawan dan penyelamat pada waktu kejadian. Golongan ini berdepan dengan rintangan dan cabaran serta perasaan yang berkecamuk semasa proses untuk membantu mangsa yang berdepan dengan bencana kerana individu inilah menyaksikan penderitaan yang dialami oleh

mangsa bencana. Justeru, individu ini juga berisiko untuk mendapat *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD). Oleh itu, penting untuk sukarelawan mempersiapkan diri dari sudut mental juga.

Kedua, kenal pasti terlebih dahulu aspek keselamatan mangsa dan keselamatan kawasan kejadian sebelum bertindak membantu mangsa bencana tersebut dan sekali gus untuk mengelakkan sukarelawan PFA daripada turut sama terkesan. Kenal pasti juga aspek klien sama ada intervensi perubatan yang diperlukan atau sebagainya serta nilai sejauh mana keperluan dan kebimbangan yang dihadapi oleh mangsa tersebut. Bagi tragedi yang disenaraikan di atas, sebelum sukarelawan turun padang untuk membantu, mereka perlu terlebih dahulu mengambil tahu keadaan semasa mangsa yang terlibat dalam tragedi tersebut serta keadaan kawasan di sana sama ada selamat atau tidak untuk mereka pergi memberi bantuan atau sebaliknya memberi kemudarat terhadap diri mereka. Contohnya seperti banjir, adakah kawasan tersebut masih banjir, bagaimana paras air di sana, di mana mangsa-mangsa banjir ini ditempatkan dan sebagainya perlu diambil tahu.

Seterusnya, berkenaan keperluan mangsa, adakah sudah terdapat sukarelawan lain yang membantu di sana dan ambil tahu keperluan yang belum diberikan supaya tidak berlakunya pertindihan bantuan yang sama daripada sukarelawan lain kepada mangsa. Malah, sukarelawan yang turun padang juga dapat bersama-sama melengkapkan keperluan mangsa banjir tersebut.

Ketiga adalah dengar iaitu berhubung dengan klien yang memerlukan sokongan. Mula bercakap dengan mangsa dan perkenalkan diri sebagai sukarelawan yang ingin membantu mangsa. Berikan perhatian sepenuhnya semasa mangsa berkongsi perasaannya dan aplikasikan kemahiran mendengar yang aktif serta dengar luahan hati mangsa dengan empati agar mangsa merasa perasaannya diterima dan merasa lebih tenang.

Tambahan, sukarelawan juga boleh mengaplikasikan teknik validasi emosi dan tenangkan

**"Bantuan kecemasan seperti peralatan perubatan adalah perkara 'wajib' dan sangat diperlukan apabila berlakunya bencana. Namun, tahukah anda selain menerima bantuan rawatan daripada luar, mangsa bencana juga sebenarnya sangat memerlukan bantuan dari sudut psikologi bagi membantu mereka daripada menghadapi kesan negatif terhadap mental akibat daripada bencana tersebut."**

mangsa sewajarnya sekiranya perlu. Kemudian, setelah mangsa kelihatan lebih tenang dan selesa berkongsi, tanyakan tentang keperluan dan kebimbangan yang dihadapi oleh mangsa dan sediakan keperluan tersebut untuk membantu mangsa.

Keempat adalah menghubungkan mangsa dengan bantuan praktikal bagi memenuhi keperluan dan akses bantuan perkhidmatan. Berikan sokongan sosial serta bantu mereka berdepan dengan masalah yang dihadapi secara positif serta salurkan maklumat yang dapat membantu mangsa dari aspek keperluan atau psikologikal. Sekiranya mangsa bencana mengalami trauma yang kuat bila mana mangsa memperlihatkan simptom tekanan yang berat atau melampau seperti berteriak dan menangis tanpa henti dalam tempoh masa yang lama, berlebihan sehingga sukar untuk dikawal, maka bantuan segera perlu diberikan untuk mangsa tersebut.

Prinsip yang terakhir ini iaitu hubungkan boleh digunakan untuk kejadian ini di mana sukarelawan perlu menghubungkan mangsa dengan pihak-pihak yang lebih bertanggungjawab dan mahir seperti kaunselor, ahli psikologi klinikal atau ahli psikiatri.

Kesimpulannya, Pertolongan Cemas Psikologi boleh membantu semua orang termasuk kanak-kanak, remaja, orang dewasa, warga emas, keluarga dan komuniti yang telah terdedah kepada peristiwa traumatis atau kecemasan termasuk responden dan penyedia perkhidmatan sokongan. Tetapi, diingatkan bahawa PFA bukanlah ubat atau rawatan gantian yang mampu menyembuhkan sesuatu kesan yang dialami oleh mangsa. Namun, PFA dapat membantu mangsa dalam menghadapi dan mengawal tekanan akut dengan baik agar dapat mencapai kesejahteraan mental yang tinggi.

**PENULIS merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, manakala Dr Azmawaty Mohamad Nor adalah Ketua Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Penulis boleh dihubungi di azy\_mn@um.edu.my.**

# Pantai Sawangan Cina berpotensi sebagai pusat rekreasi baharu



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**K**AWASAN pesisir Pantai Sawangan Cina di sini berpotensi menjadi pusat rekreasi baharu di Pulau Bebas Cukai itu yang dilihat mampu menjadi tarikan kepada pengunjung luar dan tempatan bagi melakukan aktiviti riadah dan sebagainya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail**, ini kerana kawasan tersebut akan dibuka sebagai kawasan rekreatif yang kedua selepas Pusat Rekreasi Taman Damai Layang-Layangan.

"Kawasan yang menjadi milik Perbadanan Labuan itu akan disediakan pelbagai kemudahan fasiliti seperti tempat letak kereta dan gerai jualan.

"Kawasan ini juga memang san-



**RITHUAN** menyempurnakan Program Mucang-Mucang SeWilayah di Pantai Sawangan Cina sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, baru-baru ini.

gat menarik kerana pantainya menghadap tanah besar Sabah yang turut memperlihatkan keindahan panorama Gunung Kinabalu serta persekitarannya memperlihatkan suasana matahari terbit sekali gus menyaksikan kawasan ini berpotensi

untuk menjadi tarikan pengunjung untuk beriadah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Program Mucang-Mucang SeWilayah sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2023 pering-



**ORANG** ramai terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta menyertai Program Mucang-Mucang SeWilayah di Pantai Sawangan Cina.

kat Labuan, baru-baru ini.

Program itu mencatatkan sebanyak lebih 150 orang yang melibatkan penyertaan daripada jabatan dan agensi kerajaan, swasta, dewan perniagaan serta pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Pada program itu, sebanyak 30 pokok pelbagai jenis telah berjaya ditanam di kawasan pesisir pantai yang terdiri daripada pokok pena-ga laut, rhu dan kelapa sebagai tanda simbolik pelancaran program tersebut. **WK**

## Kalender Pelancongan Labuan 2023 melibatkan 40 acara

**PERBADANAN** Labuan (PL) bakal menganjurkan lebih 40 acara pelancongan sepanjang tahun ini di dalam Kalender Pelancongan Labuan 2023 yang mampu merealisasikan Labuan sebagai destinasi pelancongan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata acara-acara itu adalah sebagai wadah bagi menghidupkan semula sektor pelancongan yang merundum sebelum ini akibat COVID-19 di samping merangsang pertumbuhan ekonomi domestik di pulau itu.

"PL masih mengekalkan beberapa 'signature event' seperti Labuan International Sea Challenge (LISC), Borneo Arts Festival (BAF) dan Remembrance Day (RD). Menariknya pada tahun ini acara LISC mendapat penyertaan penuh seramai 229 pemancing dari dalam dan luar negara seperti Australia, Hong Kong, Macau dan Brunei berbanding tahun sebelum ini.

"Pada 2022, PL merekodkan kehadiran sejumlah 10,000 pengunjung selama tiga hari semasa berlangsungnya BAF dan pada tahun 2023 ini PL mensasarkan peningkatan kehadiran pengunjung me-

lebih angka tersebut," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rithuan berkata pihaknya turut memperkenalkan beberapa pengajuran pihak swasta di dalam kalender pelancongan antaranya ialah Mega Gaths & Autoshow berkonsepkan pameran kereta mewah yang bakal diadakan pada Mac tahun ini.

Selain itu, beliau turut memaklumkan pengajuran Borneo Art Festival (BAF) yang diadakan pada tahun lalu telah mencatatkan sebanyak 10,000 pengunjung dan ia menjadikan satu pengajuran yang mencatatkan kunjungan terbesar.

"Selain itu, pengajuran International Cat Exhibition turut disasarkan akan menjadi tarikan kerana penglibatan penyertaan daripada luar negara," kata-nya. **WK**



**RITHUAN** (tengah) menunjukkan Kalender Pelancongan Labuan 2023 dihiasi dengan lebih 40 acara yang bakal diadakan sepanjang tahun ini.

## 1,000 pelajar sertai MFLS Tier 1 tahun 2023

**PIHAK** Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa berusaha untuk mengekal dan meningkatkan kualiti program dari semasa ke semasa bagi memastikan Malaysia Future Leaders School (MFLS) terus relevan sebagai sebuah program nasional yang membentuk pemimpin pelapis.

Program MFLS Tier 1 yang merupakan peringkat saringan dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk mengenal pasti pelajar yang efektif dalam pengurusan diri berdasarkan elemen pencapaian akademik, kegiatan kokurikulum, sahsiah dan kecergasan fizikal.

Bermula pada tahun 2023, pengisian baharu bagi memperkasakan Program MFLS Tier 1 dilaksanakan di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara secara bersemuka.

Perancangan jumlah Program MFLS Tier 1 pada tahun 2023 sebanyak 86 program.

Setiap program akan melibatkan penyertaan peserta seramai 200 orang di setiap sekolah yang terlibat dan jumlah penyertaan keseluruhan seramai 17,200 orang murid yang akan menyertai program ini.

Pelaksanaan program itu bertujuan untuk memberi kefaaman dan gambaran yang



**1,000** pelajar melibatkan lima buah sekolah di Labuan menyertai Program Malaysia Future Leaders School (MFLS) Tiers 1, baru-baru ini.

lebih jelas kepada para pelajar mengenai Program MFLS.

Ia juga sebagai pengenalan kepada para peserta untuk menghayati lima elemen yang akan dipelajari dalam Program MFLS iaitu kepimpinan, kenegaraan, pembentukan watak dan jati diri, kesukarelawanan dan keusahawanan.

Pada masa sama, perkongsian pengalaman alumni MFLS yang telah berjaya mengharungi program ini terutamanya mereka terpilih ke peringkat menyertai 'MFLS Go Global' (elemen pengantarabangsaan).


Di Labuan, seramai 1,000 pelajar telah menghadiri Program MFLS Tier 1, bermula pada 13 sehingga 17 Februari 2023 (lima Siri Program) bertempat di Sekolah Kebangsaan

Pekan 1, Labuan yang melibatkan lima buah sekolah iaitu SM Sains Labuan, SMK Pantai, SMK Mutiara, SM ST Anthony dan SMK Labuan.

Program MFLS Tier 1 diadakan secara bersama-sama dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Labuan dan Angkatan Belia MFLS (ABM) Kebangsaan dan Negeri.

Turut hadir Penolong Pengarah Kluster Kepimpinan i-LEAD, Mohd Yuhani Mohamad Yusof; Timbalan Presiden Angkatan Belia MFLS, Ryeann Syah Sophian dan Ketua Penolong Pengarah HEM Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Minggu Amat. **WK**

## PERADUAN MEWARNA PM202



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKID: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....


Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

**CARA MENYERTAI:**

- Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
- Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
- Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM202".
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada **11 MAC 2023**.
- Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 204.

**3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU**

## TEKA SILANG KATA SK202

**MELINTANG**

- Cerita lama/purba
- Landasan
- Tipu muslihat
- Panggilan wanita Eropah
- Cukai
- Guru agama

**KE BAWAH**

- Pak Belang
- Ayat/perkataan
- Setuju
- Ucapan selamat
- Ucap

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

**CARA MENYERTAI:**

- Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
- Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK202".
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada **11 MAC 2023**.
- Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 204.

**3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU**



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 200**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM200:

ATIQAH NAHDIRAH NORASMANI  
(9 tahun)  
Presint 18, Putrajaya

MUHAMMAD UWAIS QARNI HAZMAN  
(12 tahun)  
Bandar Permaisuri, Kuala Lumpur

PUTERI MARYALEEN MOHD AZIM  
(10 tahun)  
Hulu Langat, Selangor



Karya Adik Atiqah

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK200:

MOHD MALIKI MAHADI  
(56 tahun)  
Rawang, Selangor

ALIFF MUZAFFAR ABDUL RAHIM  
(31 tahun)  
Wilayah Persekutuan Labuan

SITI KHUAIRA MOHD HASNI  
(44 tahun)  
Jalan Gombak, Kuala Lumpur





# Jelajah seluruh negeri di Perkampungan Budaya Sarawak



AZLAN ZAMBRY

**S**ARAWAK merupakan sebuah wilayah yang kaya dengan adat, budaya dan warisan sekali gus menjadi salah satu destinasi pelancongan menarik di Malaysia.

Wilayah yang banyak menyimpan latar belakang sejarah ini turut pernah ditadbir oleh Rajah Putih, James Brooke dan keturunannya selama 105 tahun selain turut mempunyai khazanah alam semula jadi yang masih kekal dipelihara sehingga kini.

Sarawak yang dikenali sebagai bumi kenyang merupakan negeri terbesar di Malaysia dengan kira-kira 124,450 kilometer persegi (km<sup>2</sup>) yang mana ia dihuni lebih daripada 31 etnik dengan suasana aman, damai dan harmoni sekali gus menambahkan lagi sisi unik negeri ini.

Sudah pasti, untuk meneroka setiap pelosok bumi kenyang bagi mengetahui lebih lanjut mengenai suku kaum yang ada amat sukar berikutan kebanyakan mereka masih menghuni di dalam hutan tebal dengan keadaan kekurangan akses perhubungan ke kawasan tersebut.

Inisiatif kerajaan negeri Sarawak melalui Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) mewujudkan Perkampungan Budaya Sarawak atau Sarawak Cultural Village di Pantai Damai secara langsung telah memberi pengalaman menakjubkan ketika mengunjungi rumah-rumah tradisional Sarawak selain turut dapat mempelajari aktiviti harian masyarakat di wilayah ini.



## TUJUH RUMAH TRADISIONAL

DENGAN perjalanan yang mengambil masa hampir 45 minit dari pusat bandar Kuching, pengunjung dapat menikmati pemandangan yang mempesonaan selain berpeluang melewati kompleks pemakaman Sultan Tengah, iaitu Sultan Sarawak yang pertama.

Perkampungan Budaya Sarawak yang terletak di kaki Gunung Santubong memiliki kawasan seluas 17 ekar dan telah mula dibuka kepada orang ramai sejak 30 tahun lalu. Ia amat masyhur dengan cerita rakyat mengenai kisah dua puteri iaitu, Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang selain turut membawa pengunjung merasai dan melihat kehidupan sebenar etnik dan suku kaum Sarawak melalui budaya unik masing-masing.

Perkampungan yang turut menjadi muzium ini memperkenalkan rumah-rumah budaya yang mempunyai pelbagai bangsa seperti Rumah Panjang; Rumah Bidayuh; Rumah Iban; Rumah Orang Ulu; Rumah Penan;

Rumah Melanau; Rumah Melayu dan Rumah Cina. Rumah-rumah ini menempatkan beberapa kakitangan serta turut melakukan aktiviti harian suku kaum negeri Sarawak seperti aktiviti memproses sagu dan menghasilkan kraf tangan.

Mereka ini turut berpakaian tradisional dan melakukan aktiviti harian serta kebudayaan. Jika anda bertandang ke Rumah Cina, anda akan merasai sendiri pengalaman memproses lada hitam dan lada putih yang dijalankan secara tradisional.

Bertandang ke Rumah Melayu, anda berpeluang untuk melihat kaedah pembuatan kuih sepih secara tradisional dengan menggunakan dapur arang dan boleh dibeli secara terus. Anda juga akan disajikan dengan persembahan gendang tradisi yang diselang-seli dengan alunan muzik serta nyanyian lagu tradisi yang mengasyikkan.

Anda juga berpeluang melihat pembuatan instrumen muzik tradisi iaitu sape' yang menjadi kebanggaan masyarakat Kenyah dan Kayan yang tinggal di rumah panjang. Sape' diukir daripada sebatang kayu

dengan pelbagai yang kemudian dijual kepada orang ramai yang berminat.

Jika berkunjung ke Rumah Panjang yang terkenal sebagai identiti orang Iban pula, anda diberi peluang untuk mencuba kemahiran menyumpit dengan bayaran RM2 sahaja. Selain itu, antara aktiviti yang dijalankan termasuklah tenunan dan penghasilan kraf tangan.

Begini juga dengan rumah-rumah tradisi yang lain, reka bentuk dan bahan yang digunakan daripada sumber alam serta keluasan pembinaan sesebuah rumah juga menjadi keunikan kerana ia mengumpulkan seluruh keluarga di bawah satu bumbung.

Susun surat perkampungan ini juga unik dan ia mengelilingi tasik buatan tanpa perlu berpatah balik atau sesat jalan kerana akses yang disediakan sangat mesra pelancong termasuk warga asing.

Perkampungan ini juga dijaga rapi dengan pelbagai jenis tumbuhan dan herba yang sememangnya sebat dengan etnik tersebut.

Pengembangan di dalam Perkampungan Budaya Sarawak ini turut diserikan dengan persembahan teater kebudayaan di dalam sebuah dewan berhawa dingin yang mampu menempatkan lebih 200 orang dalam satu masa.

Persembahan teater kebudayaan mengambil masa kira-kira 45 minit dan diadakan sebanyak dua sesi iaitu pukul 11.30 pagi dan 4 petang.


Dalam persembahan tersebut, penonton akan disajikan dengan tarian dari setiap etnik seperti tarian zapin, Iban, Melanau, silat yang sudah pasti lengkap dengan busana asli etnik tersebut.

Bagi pelancong yang datang dari luar Sarawak seperti semenanjung dan luar negara, anda akan diberikan sebuah 'pasport' kampung budaya yang digunakan untuk mengambil cop bagi setiap rumah dan ia kekal menjadi milik anda sebagai tanda kenangan selepas bertandang ke kampung ini.

Tetapi awas, ia tidak 'laku' ketika berurus di kaunter imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching! WK



ARTIS budaya mempersembahkan tarian tradisional ketika sesi persembahan teater kebudayaan di dalam dewan yang disediakan.



RUMAH Orang Ulu



RUMAH Melanau



RUMAH Melayu



IMBAS KOD  
QR UNTUK  
MENONTON  
VIDEO



Jadikan Taufik Hidayat sebagai idola

# Badrul Amin ingin lakar sejarah tersendiri

SABRINA SABRE

**B**IARPUN baru berusia 25 tahun, namun atlet badminton, Muhammad Badrul Amin Amran berazam mahu mencipta kejayaan unggul dalam dunia badminton di peringkat negara maupun antarabangsa.

Berbekalkan minat yang mendalam, Badrul Amin percaya menerusi usaha yang gigih serta tidak mengenal erti putus asa mampu membawa dirinya ke peringkat lebih tinggi dalam arena sukan badminton.

Mula bersama-sama dalam sukan badminton sejak berumur 13 tahun, atlet muda ini berkata dia sering mewakili sekolah dalam pelbagai kejohanan sehingga pada akhirnya memilih untuk bergiat aktif.

"Saya bersyukur kerana mendapat sokongan penuh daripada keluarga dan rakan-rakan yang pasti akan bangga dengan pencapaian saya dalam arena sukan ini sedikit masa lagi," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bercerita lanjut mengenai penglibatannya, atlet kelahiran Rawang, Selangor ini menjadi legenda badminton Indonesia,



AKSI Badrul Amin ketika PESAYA-14 yang diadakan di Sarawak.

Taufik Hidayat sebagai idolanya kerana kagum dengan kehebatan yang dimiliki juara dunia tahun 2005 dan juara Olimpik bagi acara perseorangan lelaki pada tahun 2004 itu.

"Pada pandangan peribadi, saya mengagumi rentak permainan dan kehebatannya memiliki teknik *backhand* yang tidak semua pemain mampu lakukan. Beliau merupakan seorang pemain yang

cukup disegani. Saya menyaksikan setiap perlawanannya sejak kecil lagi, apa yang dilakukannya sangat luar biasa dan sejak itu lah minat terhadap sukan badminton semakin menebal.

"Saya percaya suatu hari nanti boleh menjadi seperti beliau namun sedar ia bukan mudah kerana memerlukan usaha, kerja keras dan disiplin yang tinggi memandangkan perjalanan karier saya masih

jauh," ujar anak kelima daripada 10 orang adik-beradik ini.

Dalam pada itu, bekas pelajar Diploma Kejuruteraan Mekatronik di Pusat Latihan Kemahiran DK Training & Advancement Centre (DTAC) Muar ini juga mengakui dia bukan sahaja menganggap badminton sebagai hobi semata-mata namun turut menjadikannya lubuk untuk menjana pendapatan.

Percaya sukan yang satu ini

## Pencapaian Badrul Amin

2023 - Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia ke-14 (PESAYA-14)

2022 - Kejohanan Beregu Campuran Amatur - Johan

2020 - Kejohanan Badminton Tertutup Hulu Selangor - Johan

2015 - Kejohanan Badminton MSSM - Tempat ketiga

mampu memberikan masa hadapan yang cerah, dia tidak teragak-agak untuk memberi sepenuh tumpuan dan perhatiannya kepada dunia yang dicintai sejak kecil ini.

"Selain daripada menjadi pemain sepenuh masa, kadangkala saya juga meluangkan masa mengajar mereka yang berminat untuk bermain badminton pada waktu luang."

"Jika saya tidak lagi bergelar pemain nanti, saya sememangnya berniat untuk menghabiskan masa sebagai seorang jurulatih yang berpengalaman. Itu cita-cita saya pada masa hadapan dalam sukan ini," ujarnya yang juga merupakan pemain di Azman Amman Akademi Badminton. **WK**

## LHDN Kuala Lumpur juara Kejohanan Futsal Tertutup SHWP 2023

**PASUKAN** Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Kuala Lumpur muncul juara keseluruhan pada Kejohanan Futsal Tertutup Kaitangan Awam Dan Agensi 2023 yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) baru-baru ini.

LHDN Kuala Lumpur berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000 bersama piala irungan dan naib johan iaitu Cawangan Pengawal Pengiring Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPK KL) mendapat RM1,500, manakala pemenang tempat ketiga, JAKIM FC dan keempat, KKM Selangor punya masing-masing membawa hadiah RM1,000 dan RM500.

Kejohanan anjuran Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) pada kali ini berjaya menarik minat sebanyak 32 pasukan yang merangkumi seramai 256 peserta mewakili kaitangan awam dan agensi di Wilayah

Persekutuan.

Lebih menarik, terdapat pelbagai aktiviti sampingan dijalankan termasuk pertandingan sepakan penalti; *standing broad jump*; *juggling ball*; cabutan bertuah serta jualan *food truck* buat para peserta.

Terdahulu, majlis penyampaian hadiah tersebut disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud; Setiausaha Bahagian Perbandaran Dan Khidmat Teknikal Jabatan Wilayah Persekutuan, Wan Ashbi @ W Maheran Leman dan Timbalan Pengarah MSWP, Nabilah Zakaria. **WK**



PASUKAN LHDN Kuala Lumpur meraih kemenangan selepas berjaya menewaskan pasukan Cawangan Pengawal Pengiring IPK KL pada perlawanan akhir.

## Program Gerak Rahmah 2023 bangunkan komuniti setempat

**INISIATIF** Program Gerak Rahmah 2023: Jom Sihat yang dianjurkan adalah bertujuan memperkasa, mempertingkat dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ke arah membangunkan Komuniti Rahmah.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) berkata program yang diadakan serentak melibatkan semua KRT di seluruh negara ini turut melibatkan kolaborasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Antara objektif penganjuran program ini adalah untuk membangunkan Komuniti Rahmah selaras dengan konsep 'Malaysia Madani' melalui pelbagai aktiviti berimpak tinggi untuk meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian komuniti khususnya komuniti KRT.

"Selain itu, ia bagi menggerakkan komuniti KRT di seluruh negara secara bersepudu dan menyeluruh untuk melaksanakan Program Gerak Rahmah di peringkat komuniti masing-masing serta memperkasa dan memperkuuhkan lagi peranan KRT dalam komuniti khususnya dalam membantu kerajaan membina Malaysia Madani," katanya menerusi satu kenyataan media.

Tambahnya, program tersebut diadakan secara serentak melibatkan semua KRT di seluruh negara dan bermula pada pukul 8 pagi dengan aktiviti senaman manakala

pengisian adalah mengikut kesesuaian serta keperluan lokaliti masing-masing.

"Antara pengisian program yang diadakan di Putrajaya bertempat di KRT Fasa 11, Presint 9 adalah Senam Harmoni; Aktiviti 10,000 Langkah; Kuiz Kesihatan; Treasure Hunt Kesihatan; Indoor Games; Pemeriksaan Kesihatan; Pameran Kesihatan; Ceramah Kesihatan dan Sumbangan Bakul Rahmah.

"Manakala Program Jom Sihat adalah merupakan salah satu daripada Agenda Kerja KRT atau RT4ALL iaitu di bawah GERAK KERJA KRT SIHAT dan digarisahkan dalam teras kedua, Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030," ujarnya.

Dalam pada itu, JPNIN turut berharap semua KRT di seluruh negara yang berjumlah sebanyak 8,348 untuk bersama-sama menjayakan Program Gerak Rahmah ini yang mana dengan adanya gerakan secara bersepudu ia akan meningkatkan lagi semangat mereka untuk melaksanakan aktiviti di peringkat komuniti masing-masing serta dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam meningkatkan keaktifan KRT.

Terdahulu, Program Gerak Rahmah 2023: Jom Sihat peringkat Putrajaya telah dirasmikan oleh Pegawai Kesihatan Pejabat Kesihatan Putrajaya, Dr Zainal Abu Bakar. Turut hadir Pengarah JPNIN Putrajaya, Rusylawati Mustapha Kamar. **WK**



## Iftar@KL bakal meriahkan ibu kota

HAZIRAH HALIM

**S**EMPENA pelancaran Kalendar Seni Budaya 2023, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bakal menganjurkan pelbagai program menarik di seluruh negara sepanjang tahun ini termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang juga bakal menjadi tumpuan.

Terdapat 11 Program Pelancongan Seni Budaya akan dilaksanakan oleh JKKN di seluruh negara dan antara program yang bakal memeriahkan Ibu Kota Kuala Lumpur adalah Iftar@Kuala Lumpur pada 8, 9, 15 dan 16 April serta akan menganjurkan kembali Festival Permainan Malaysia di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 15 hingga 17 September.

Timbalan Ketua Setiausaha (kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, **Mohd Yusri Mohd Yusoff** berkata pelaksanaan program



tersebut adalah berasaskan lima teras program utama di bawah Pelan Strategik JKKN 2021-2025 iaitu asuhan kemahiran seni; pemuliharaan seni budaya; Jangkauan Seni Budaya (JSB); pengukuhan seni dan

budaya serta jaringan kerjasama kebudayaan.

"Program ini secara tidak langsung dapat mendekatkan masyarakat dengan aktiviti seni budaya dalam norma baharu di samping

memberi peluang kepada penggiat seni budaya menjana pendapatan," katanya pada sesi Sidang Media Majlis Serahan Seni Budaya JKKN 2023 di Menara Kuala Lumpur, pada 23 Februari (Khamis).

Menurutnya, selain dua program itu, JKKN juga akan melaksanakan pelbagai program seni budaya lain di seluruh negara antaranya Pesta Angin Timur Perlis (3 hingga 5 Mac); Pesta Angin Timur Perlis (3 hingga 5 Mac); Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa (FKOAA) pada 13 hingga 15 Oktober; Keretapi Sarong (16 September); Festival Seni Hidup (20 hingga 22 Oktober); Rhythms Of Kinabalu (ROK) 2023 (27 hingga 29 Oktober) dan Festival Gendang Sarawak (3 hingga 5 November).

Pada majlis itu, JKKN turut melancarkan Buku Mek Mulung 'Bangkitnya Warisan Turun-Temurun/A Heritage Rediscovered' yang merupakan penerbitan

eksklusif JKKN dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) melalui Konservatori Muzik, Kolej Pengajian Seni Kreatif dan Penerbit UiTM.

"Buku ini merupakan usaha mengangkat seni persembahan tradisional Mek Mulung ke peringkat antarabangsa dan ia diterbitkan dalam dwibahasa dengan kandungan *Augmented Reality (AR)* dan buku audio dalam versi bahasa Inggeris beserta CD lagu-lagu Mek Mulung.

"Diharapkan agar Buku Mek Mulung ini akan membantu proses pengiktirafan daripada institusi antarabangsa seperti UNESCO serta memperluas kesedaran komuniti setempat bagi mengekalkan kelestarian Mek Mulung yang berpanjangan selain berdoa agar 2023 menjadi tahun yang lebih progresif untuk kita semua memulihikan semula ekonomi negara menerusi Industri Pelancongan, Seni dan Budaya," jelasnya. **WK**

## Tiada penyingkiran di minggu kelima Akademi Qurra'

DEEL ANJER

**K**ESEMUA sembilan peserta Program Akademi Qurra' terbitan TV AlHijrah mula ke peringkat seterusnya apabila tiada sebarang penyingkiran dilakukan di minggu kelima penyiarnya.

Pengurus Penjenamaan dan Kajian Pengguna TV AlHijrah, **Zulkarnaen Mokhtar** berkata keputusan itu bagi memberi peluang kepada para peserta yang dipanggil tilmiz dan tilmizah untuk menyesuaikan pembelajaran dengan mentor atau mudarris dan mudarrisah (tenaga pengajar) baharu.

"Untuk minggu kelima, kami tetapkan untuk tiada penyingkiran disebabkan ada pertukaran antara tenaga pengajar dan peserta. Jadi, kami mahu beri sedikit masa untuk tilmiz dan mudarris menyesuaikan diri."

"Antara sebab lain yang saya boleh katakan adalah apabila berhubung dengan juri tetap iaitu Ustaz Tarmizi dari Tanah Suci, dia pun ada harapan supaya tiada penyingkiran dan tunggu sehingga dia balik pada minggu depan. Itu adalah sebab mengapa minggu kelima ini tiada penyingkiran," katanya.

Ditanya mengenai maklum balas tilmiz dan tilmizah yang ditukar, menurut Zulkarnaen mereka semua terima dengan hati terbuka.

"Maklum balas daripada peserta pula, tiada antara mereka yang mengatakan kecwa, cuma terdapat perbezaan daripada kaedah mengajar oleh mudarris.

"Mungkin kalau lihat Ustazah Soufizah, dia mengajar lebih terperinci kerana dia juga merupakan seorang guru. Ada yang berkongsi kepada santai dan suka berkongsi tetapi daripada maklum balas yang diterima,

semuanya baik dan okey saja. Kami mahu mereka dapat seimbangkan dan sama dari segi kaedah pembelajaran," katanya.

Pada minggu bertemakan Perwira Negara itu, Tilmiz Zuhdi berada di kedudukan teratas dan turut mendapat Anugerah Alunan Terindah diikuti dengan Tilmiz Nooraini manakala di tempat ketiga, Tilmiz Akasyah.

Program Akademi Qurra' dihoskan Fakhrul UNIC, disiarkan setiap Sabtu, pukul 9 malam dan diadili sepenuhnya oleh juri tetap iaitu Ustaz Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Qari Muhammad Qayyim Nizar dan juri jemputan berbeza pada setiap minggu. Manakala Mudarris dan Mudarrisah yang menjadi tulang belakang membimbing semua peserta pula ialah Ustaz Ammar Mukhlis, Ustazah Farhatul Fairuzah dan Ustazah Soufizah Mousin. **WK**



## Daftar STR, kemas kini data sehingga 31 Mac

**P**NDAFTARAN dan kemas kini data bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) secara dalam talian dibuka mulai hari ini sehingga 31 Mac.

Menurut Kementerian Kewangan, ini bagi memastikan mereka yang layak atau masih tiada dalam pangkalan data kerajaan dapat mengemukakan permohonan masing-masing.

Selain itu, penerima sedia ada dapat membuat sebarang perubahan maklumat, lapor *Bernama*.

Ketika membentangkan Bajet 2023 Jumaat lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga menteri kewangan berkata STR akan membantu meringankan beban sara hidup hampir sembilan juta penerima dengan peruntukan hampir RM8 bilion.

Pada 16 Januari lepas, Anwar mengumumkan pembayaran STR fasa satu kepada 8.7 juta golongan B40 bernilai RM1.67 bilion akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima berdaftar secara berperingkat mulai 17 Januari.

Pembayaran STR dibuat mengikut kategori, dengan empat juta isi rumah masing-masing menerima RM300 manakala 1.2 juta warga emas yang tiada pasangan dan 3.5 juta penerima bujang masing-masing menerima RM100.

Pemohon boleh merujuk portal rasmi STR untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Menurut kementerian, data penerima STR fasa satu akan dibawa secara automatik ke dalam pangkalan data kerajaan bagi mengurangkan golongan yang tercicir.

Data daripada beberapa agensi kerajaan juga akan disemak silang bagi menentukan kelayakan bagi STR mengikut syarat yang ditetapkan.

- **BERNAMA**